

قُتْيَقَنْ قِيَتِه

PETIKAN TITAH

"DALAM bidang pembangunan fizikal pula, Al-Qur'an tidaklah menghalangi umat Islam dari melakukannya, asalkan sahaja tidak melangkahi batasan-batasan hukum. Pembangunan fizikal dalam Islam, di samping untuk menjana kemakmuran, ia juga untuk memelihara kesejahteraan serta dengan konsisten menghindari sebarang kerosakan dan kebinasaan di muka bumi."

- Titah Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1433 Hijrah.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN jika dia (orang yang berhutang itu) dalam kesempitan hidup (yang tidak membolehkannya membayar hutang), maka berilah tempoh sehingga dia mampu (untuk membayar hutangnya). Dan (sekitaranya) kamu sedekahkan (hutang itu sebahagiannya atau semuanya) adalah lebih baik bagi kamu (daripada kamu menanti-nanti bayarannya), jika kamu mengetahui (berkat dan pahalanya)." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 280).

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

4.47

4.57

6.15

6.37

12.22

3.29

6.27

7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 44

12 APRIL 2017 / 1438 رجب 15

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berangkat ziarah jenazah Allahyarham YAM Pengiran Seri Wijaya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof, di rumah kediamannya di Kampung Bengkurong dan seterusnya menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned - Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi. (Lihat muka 3).

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang

Terutama Abdel Fattah-Al-Sisi, berikutnya dengan serangan bom di Mar Girgis Coptic Church Tanta dan Saint Mark's Coptic Cathedral di Alexandria baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah-Al-Sisi, baginda berasa sedih mengetahui tentang serangan berkenaan yang mengakibatkan

kehilangan nyawa.

Dalam mengakhiri titah perutusan takziah berkenaan, baginda bersama kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah-Al-Sisi, kerajaan dan rakyat Arab Mesir terutama sekali kepada ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian tersebut.



Muka 5

SMS Brunei Prihatin kutip BND118,866.00

JERAYAWARA tingkat kesedaran menabung

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

Rujuk permasaalah jemaah haji kepada lebih arif

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dari-Nya juga, kita semuadpat menghadiri Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadah Haji Bagi Musim Haji 1438H/2017M kali Ke-26. Sukacita saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1438H/2017M kali Ke-26 kerana berkesudian mengundang saya menjadi tetamu kehormat di majlis pada pagi ini.

Melaksanakan atau mengerjakan ibadat haji bukanlah suatu perkara yang boleh kita pandang ringan dan diambil mudah kerana di dalam melaksanakan ibadah ini, sebetulnya perlu ketelitian dan kepekaan kerana suasana, cabaran dan dugaan di sepanjang mengerjakan ibadah ini lebih bersifat sukar untuk dijangkakan. Oleh itu, persiapan serta bekalan ilmu sebelum melaksanakan ibadah ini adalah amat penting untuk didalami, difahami serta dihayati sesempurnanya, dan perkara ini juga sudah setentunya termasuk persiapan dari segi kekuatan mental, fizikal dan rohani.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengungkayahkan majlis seumpama ini setiap tahun dan antara tujuannya adalah bagi memastikan guru-guru pengkursus ibadat haji yang akan dilantik nanti benar-benar bersedia untuk menyampaikan ilmu manasik haji dan hukum-hakam dalam pelaksanaannya kepada bakal jemaah haji negara kita. Di samping itu, tujuan majlis ini juga adalah bagi menyalurkan serta berkongsi maklumat-maklumat terkini mengenai haji dan pengurusan perjalanan dan juga keadaan-keadaan semasa di Tanah Suci seperti di Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan di Masyaaf (Arafah dan Mina).

Sehubungan dengan itu, saya amatlah berbesar hati dan menyokong penuh usaha Jabatan Urusan Haji, yang pada pandangan saya sangatlah tepat bagi memastikan hasrat dan keazaman yang tersemat dalam diri setiap bakal jemaah haji untuk menuaikan dan mengerjakan ibadah haji dengan sempurna akan dapat dilaksanakan dan dicapai.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kesempatan atau peluang menuaikan fardhu haji pada tahun-tahun kebelakangan ini bolehlah dikatakan agak sukar dan 'terhad', khususnya disebabkan oleh kos perbelanjaan haji yang semakin meningkat dari tahun ke tahun, dan juga disebabkan oleh jumlah kouta haji bagi negara yang telah ditetapkan agak terhad. Berdasarkan kesukaran ini, ber kemungkinan saja para jemaah haji kita akan dapat menuaikan fardhu haji hanya sekali seumur hidup.

Justeru itu, ingin saya tekanan, guru-guru pengkursus adalah disarankan agar mengikuti muzakarah yang diadakan ini dengan semaksimnya agar setiap ilmu yang



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud pada Majlis Perasmian Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1438H/2017M Kali Ke-26 pada 17 Jamadiakhir 1438H bersamaan 16 Mac 2017M bertempat di Dewan Multaqia, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

dikongsikan dan permasalahan yang dibangkitkan dapat difahami dengan baik dan sempurna.

Saya turut difahamkan, bahwa sejarah dengan tujuan Majlis Muzakarah diadakan, tiga kertas kerja akan dibentangkan, Kertas Kerja Perdana dengan tajuk, "Rahsia Kerohanian Ibadat Haji" dan dua lagi kertas kerja dengan tajuk, "Beberapa Isu Hukum Dalam Pelaksanaan Ibadat Haji" dan "Manasik Haji Wanita" bagi mengupas dan menjelaskan permasalahan yang seringkali dibangkitkan.

Manakala, panel pembentang yang dijemput adalah dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan dua panel lagi dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Alhamdulillah, saya sangat-sangat teruja bahwa hal ini sudah setentunya merupakan keberuntungan yang amat besar bagi kita semua kerana sama-sama mendengarkan penjelasan dan penghuraian permasalahan ini dari panel yang betul-betul arif mengenainya. Sudah setentunya manfaat yang kita dengar dan perolehi pada hari ini akan dapat kita kongsikan dan sampaikan kepada orang lain, khususnya kepada para bakal jemaah haji negara kita.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengingatkan agar Guru-Guru Pengkursus yang akan dilantik pada tahun ini agar dapat mengajarkan dan mendengarkan sendiri bacaan-bacaan setiap bakal jemaah haji kita bagi sama-sama memastikan mereka betul-betul dapat membaca dengan baik, samada ketika mereka dalam kumpulan mahupun bersendirian. Jika mereka tidak mempunyai kemampuan atau tiada keupayaan untuk membaca doa-doa khusus sebagaimana yang diajarkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, contohnya doa-doa ketika mengerjakan Tawaf dan Sa'ie, maka perlu bagi

setiap Guru-Guru Pengkursus mengingatkan dan memberikan kefahaman agar menggantikannya dengan bacaan doa-doa ataupun zikir-zikir pendek yang mampu mereka baca. Hal seperti inilah yang perlu kita tekankan dan sentiasa ingatkan kepada para bakal jemaah haji kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, besarlah harapan saya agar semua Guru-Guru Pengkursus akan dapat melaksanakan tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan bagi mengajar dan membimbing bakal-bakal jemaah haji dapat digalas dan ditunaikan dengan sebaiknya. Ini adalah bertepatan dengan sabda baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ أَذْعَانَ أَخْدُومَ عَمَلَ أَذْتَقْنَاهُ
"Sesungguhnya Allah 'azza wa jalla sangat menyukai seseorang itu apabila dia bekerja, dia akan membuat yang terbaik."

(Riwayat at-Thabrani)

Saya juga amat yakin dan percaya, bahwa segala usaha, tunjuk ajar dan juga bimbingan guru-guru pengkursus itu nanti sudah setentunya akan dapat membantu para bakal jemaah haji kita menuaikan fardhu haji dengan lebih teratur, sempurna dan insyaAllah akan memperolehi haji yang mabru.

Sudah setentunya dalam abiskita menjalankan tugas sebagai Guru Pengkursus, abiskita akan diajukan dengan pelbagai permasalahan atau persoalan oleh bakal jemaah haji kita. Sehubungan dengan itu, ingin saya sarankan agar setiap persoalan dan permasalahan tersebut dirujuk terlebih dahulu kepada mereka yang lebih arif atau kitab-kitab yang menjadi asas dan sandaran umum di Negara Brunei Darussalam seperti buku-buku fatwa dan irsyad yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam atau buku-buku terbitan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama agar apa yang disampaikan selaras dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada bakal jemaah haji negara kita.

Untuk akhirnya, tidak lupa saya ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Urusan Haji berserta pegawai-pegawai yang terlibat di dalam mengungkayahkan program bermanfaat ini. Semoga Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Ke-26 ini akan berjalan dengan lancar dan sempurna serta mencapai objektifnya untuk meningkatkan hukum-hakam ibadat haji bagi mengelakkan sebarang percanggahan hukum dapat dicapai dengan sempurna, Insha Allah.

Dengan melafazkan kalimah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَصَلِّ عَلَى أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ

Maka saya rasmikan Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Kali Ke-26.

Sekian.

Terima kasih. Wabillahit Taufik,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

12 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 15

NASIHAT, TEGURAN DEMI KEBAIKAN

ISLAM menyuruh kita untuk menjaga kesejahteraan hidup, bekerjasama dan bantu-membantu di antara satu dengan yang lain. Bagi mencapai tujuan tersebut, Islam mengajar umatnya untuk saling nasihat-menasihati dan tegur-menegur di antara satu dengan yang lain.

Menasihati dan menegur adalah perbuatan yang sangat baik. Kita sebagai manusia perlu mendapat teguran agar kita menyedari kesilapan, kesalahan dan kelemahan diri sendiri.

Nasihat atau teguran yang disampaikan perlulah dengan adab, hormat dan sopan. Ini bagi mengelakkan salah faham dan kemarahan orang yang ditegur yang boleh menyebabkan berlakunya pertengkaran memandangkan tidak semua orang boleh menerima nasihat juga teguran.

Adab dan sopan perlu seiring dalam menasihati, menegur dan memberikan pendapat. Niat kita menegur mestilah betul, iaitu demi kebaikan dan bukannya untuk menjatuhkan, menghinna, mendedahkan aib atau berniat buruk. Ditakut bukan jalan penyelesaian masalah dikecapi, akan tetapi sebaliknya, keadaan atau suasana keruh pula dihadapi.

Cara menegur mestilah berhemah dan berhati-hati, bukan kelemahan orang yang ditegur yang dicari. Setiap nasihat atau teguran perlu diteliti dan dihalusi, oleh itu keadaan tenang bagi orang yang menasihati atau menegur adalah dikehendaki, bukannya ketika atau sedang dalam keadaan marah juga emosi.

Apabila menasihati dan menegur hendaklah dengan bahasa dan suara yang lembut, memilih dan menggunakan perkataan-perkataan yang baik, sesuai juga bermanfaat, meminta maaf selesaikan teguran dibuat serta sentiasa bersangka baik terhadap orang yang menerima teguran atau nasihat. Pastikan orang yang ditegur sedang bersendirian atau ketika berada di tempat yang tertutup.

Elakkan dan jangan sesekali menasihati dan menegur dengan suara yang tinggi, menggunakan bahasa yang angkuh dan somborg, di depan orang ramai serta dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur.

Ini kerana memberi nasihat dan menegur bukan untuk mendedahkan aib, menyinggung perasaan, menghinna dan merendahkan diri orang yang ditegur, tetapi adalah untuk memujuk perasaan mereka yang berkemungkinan sahaja tidak mengetahui bahawa apa yang mereka lakukan adalah satu kesalahan.


Tegurlah sebagaimana kita inginkan diri kita, anak dan ahli keluarga kita ditegur. Berikut antara intipati Khutbah Jumaat pada 7 April 2017 yang dapat diambil sebagai pedoman kita bersama.

Jangan kuasa dik di tangan, segala cara tegur-menegur dan nasihat-menasihati diabaikan, utamakan adab dan sopan dalam perbuatan, ucap minta maaf dalam ungkapan, bukan emosi dan amarah menguasai keadaan.

Niat hendaklah tulus demi kebaikan dan ke hadapan, bukan untuk memparni keaiban mahupun kekurangan, elak salah faham, kemarahan juga pertengkarn, agar niat memperbaiki diri dapat diwujudkan, silaturahim, hidup rukun damai, harmoni juga bersatu padu dapat dikotakan.

Setiap manusia pasti punya kelemahan, terkadang perlu pada teguran dan penambahbaikan, namun begitu tidak semua teguran akan didengarkan dan langsung dapat diaplakisikan, perlukan masa, usaha juga keinginan, untuk memperbaiki mana-mana kekurangan, demi agama, bangsa juga watan.

Bukan ingin segala pujian, namun hanya perlu sedikit pegertian, ada masalah yang dapat diselasaikan, ada pula yang hanya perlu sikap tolak ansur juga pengertian sebagai penyelesaian, semua orang ingin melakukan yang terbaik dan kesempurnaan, terkadang manusia juga tidak terlepas dari kesilapan juga kealpaan. - Ketua Penyunting (Nb).



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masih April	Hari Rejab	Hijrah Rejab	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	15	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	KHAMIS	16	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	JUMAAT	17	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	SABTU	18	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	AHAD	19	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	ISNIN	20	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	SELASA	21	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214

Kebawah DYMM berangkat ziarahi jenazah Allahyarham YAM Pengiran Seri Wijaya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Haji Mohamad Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BENGKURONG, Selasa, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof, di rumah kediamannya di Kampung Bengkurong.

Berangkat sama, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad telah kembali ke rahmatullah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini, jam 9.30 pagi ketika berusia 84 tahun.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam juga bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham YAM Pengiran dilahirkan pada 25 Disember 1932, di Kampung Sultan Lama, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan), Negara Brunei Darussalam dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan Brunei dari tahun 1939 hingga 1945 dan Sekolah Misi St. George, Bandar Brunei dari tahun 1945 hingga 1950, selain itu, Allahyarham YAM Pengiran juga pernah belajar malam di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei dari tahun 1955 hingga

1960.

Allahyarham YAM Pengiran mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Mac 1951.

Selain itu, Allahyarham YAM Pengiran juga pernah ditempatkan untuk bertugas di beberapa buah jabatan kerajaan seperti, Jabatan Kastam, Pejabat Tanah, Pejabat Uruk dan Jabatan Perjawatan.

Pada 1 Oktober 1967, Allahyarham YAM Pengiran telah dilantik sebagai Pegawai Protokol di Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) sehingga dinaikkan pangkat menjadi Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara pada 1 Julai 1982 sehingga bersara dari perkhidmatan pada 25 Disember 1987.

Pada 1 Mac 1988, Allahyarham YAM Pengiran telah diambil semula untuk berkhidmat dalam jawatan yang sama sehingga 18 Januari

2004.

Pada 19 Januari 2004, Allahyarham YAM Pengiran telah dilantik menjadi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Adat Istiadat Negara, dan pada 5 Februari 2007, Allahyarham YAM Pengiran telah dilantik menjadi Penolong Kanan Yang Di-Pertuan Adat Istiadat Negara di JAIN.

Allahyarham YAM Pengiran merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat, selain pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Dermasiswa (Jabatan Hal Ehwal Umgama).

Atas titah perkenan Kebawah DYMM, Allahyarham YAM Pengiran diangkat menjadi Cheteria 32, 'Pengiran Seri Wijaya' pada 28 April 2004.

Selain dari itu, Allahyarham YAM Pengiran telah dikurniakan dengan beberapa Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan, antaranya Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (Dato Seri Paduka - S.P.M.B.) pada tahun 1988; Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (Dato Paduka - D.P.M.B.) pada tahun 1986; Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) pada tahun 1968; Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I.) pada tahun 1987; Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1966; Pingat Kerja Lama (P.K.L.) pada tahun 1974; Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan pada tahun 1987; Pingat Perjuangan pada tahun 1963; Pingat Puspa pada tahun 1968; Pingat Jubli Perak pada tahun 1992 dan Pingat Jubli Perak Hari Kebangsaan Ke-25 Tahun pada tahun 2009.

Semasa hayatnya, Allahyarham YAM Pengiran bertanggungjawab memerhatikan hal ehwal yang boleh menambahkan kejayaan dan kemakmuran negara serta mengadakan penyelidikan serta kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembah maklumkan kepada sultan.

Allahyarham YAM Pengiran juga suka membuat kerja berkebajikan dan keagamaan serta bermintat dalam bersukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof, di rumah kediamannya di Kampung Bengkurong.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah semasa berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad.



Pasukan Bola Jaring Kebangsaan tumpaskan Pasukan Sekolah Sri Lanka 68 - 34



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan Pasukan Sekolah Sri Lanka di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 11 April. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam meneruskan lagi siri

perlawanan persahabatan menentang Pasukan Sekolah Sri Lanka di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyertai Pasukan Bola Jaring Kebangsaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan 10 - 17 pada suku ketiga dan 16 - 11 pada set terakhir.

Pasukan Bola Jaring Kebangsaan menang selesa setelah berjaya menewaskan Pasukan Sekolah Sri Lanka dengan jaringan 68 berbalas 34 dalam empat set perlawanan.

Pada suku pertama, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan mendahului jaringan dengan 12 berbalas 07; 23 - 06 pada set kedua; diikuti

dengan 10 - 17 pada suku ketiga dan 16 - 11 pada set terakhir.

Perlawanan tersebut diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

Pasukan Bola Jaring Kebangsaan menang selesa



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan Pasukan Sekolah Sri Lanka di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (gambar atas), sementara gambar bawah, antara aksi menarik Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (jersi ungu) menentang Pasukan Sekolah Sri Lanka (jersi kuning) di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Nooratini Hj Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Hj Said

BERAKAS, Isnin, 10 April. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam meneruskan lagi siri perlawanan persahabatan menentang Pasukan Sekolah Sri Lanka di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyertai Pasukan Bola Jaring Kebangsaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada perlawanan persahabatan itu, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan menang selesa setelah berjaya menewaskan Pasukan Sekolah Sri Lanka dengan jaringan 54 berbalas 38 dalam empat set perlawanan.

Pada suku pertama, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan mendahului jaringan dengan 12 berbalas 10; 16 - 10 pada set kedua; diikuti dengan 8 - 14 pada suku ketiga dan 19 - 4 pada set terakhir.

Perlawanan persahabatan di antara kedua-dua pasukan akan diteruskan lagi pada esok, 11 April di gelanggang yang sama.

Perlawanan tersebut diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi kejohanan-kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.



Festival Sastera kini kembali lagi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Festival Sastera, anjuran Mahasiswa Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) kini kembali lagi dengan tema 'Memperkasa Warisan Budaya'.

Festival Kali Ke-7 ini bertujuan untuk memartabatkan Budaya Brunei agar generasi seterusnya khususnya para belia agar tidak akan pernah lupa dengan budaya turun-temurun yang diamalkan sejak dahulu lagi.

Objektif Festival ini diadakan untuk memupuk semangat bersatu padu dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi UBD dalam mengusahakan dan mengendalikan

acara dan memberi peluang kepada mereka untuk mendedahkan diri kepada khalayak ramai.

Acara akan berlangsung selama empat hari berturut-turut bermula pada 14 (Jumaat) hingga 17 April 2017 (Isnin), pada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di Bangunan Central Lecture Theatre (CLT), UBD. Pelbagai acara dan aktiviti telah diaturkan bagi memeriahkan lagi sambutan festival sastera ini. Antaranya ialah pertandingan Futsal dan Bola Jaring, bertempat di Kompleks Sukan UDB, yang akan berlangsung pada 14 April 2017.

Manakala, Festival akan

dirasmikan pada 15 April pada sebelah pagi, diikuti dengan Forum etnik daripada pelajar UBD, Bengkel Penulisan Cerpen dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan Tayangan Perdana Filem Pendek 360 Detik, seminar daripada Prof. Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tingkong dan Syahwal Nizam bin Haji Yani, dan Bengkel Puisi Kris Karmila (Pemuisi Brunei Darussalam).

Selain itu, orang ramai juga boleh mengikuti acara Keluargaku Ceria, Peraduan Mewarna dan Bengkel Menambat Dastar dan Menapih Sinjang daripada Kementerian

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) pada 16 April 2017.

Gerai-gerai jualan juga akan diadakan selama tiga hari bermula pada Sabtu, 15 hingga Isnin, 17 April 2017. Perkara yang lebih menarik perhatian para pengunjung nanti di acara ini ialah keberadaan Rumah Sastera yang memaparkan pelbagai aktiviti-aktiviti dan bahan-bahan Sastera.

Pastikan awda mengambil kesempatan untuk datang ke Festival Sastera Kali Ke-7 2017 bersama keluarga dan rakan-rakan di Mitsubishi Hall dalam Bangunan Central Lecture Theater (CLT),

Universiti Brunei Darussalam.

Bermacam-macam hadiah yang menanti para pengunjung yang hadir ke acara tersebut, oleh itu pastikan awda mengikuti maklumat terkini melalui laman sosial Facebook Festival Sastera @Festivalsastera2017 (Fanpages) dan Instagram Festival Sastera @festivalsastera07.

Maklumat terkini yang berkaitan dengan festival ini akan turut dikemas kini melalui laman sosial. Sila ikuti Festival Sastera Kali Ke-7, untuk melihat perkembangan acara ini dari sekarang sehingga ke hari pembukaan acara itu nanti.

SMS Brunei Prihatin kutip BND118,866.00

Oleh: Aimi Sani
Foto: Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Sebanyak BND118,866.00 telah berjaya dikumpul bagi kempen kutipan sumbangan melalui SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi tahun 1437 / 2016.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND110,196.00 merupakan dana hasil kutipan daripada pelanggan DST dan BND8,670.00 dana hasil kutipan daripada pelanggan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB).

Sementara itu, BND20,000.00 adalah hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan DST.

Sumbangan berkenaan telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Suhaimi Hussein dan Pengurus Perhubungan Korporat Kerajaan PCSB, Dayang Normah binti Ahmad kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

pagi tadi bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

SMS Brunei Prihatin adalah projek tahunan yang diunggahkan bersama oleh JAPEM, Jabatan Radio Televisyen Brunei, DST dan PCSB.

Projek tersebut bermula pada tahun 2005 dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai dengan semua kutipan yang diterima, disumbangkan kepada



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menerima sumbangan derma SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Suhaimi Hussein (kiri) dan Pengurus Perhubungan Korporat Kerajaan PCSB, Dayang Normah binti Ahmad (kanan).

Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan.

Kempen kutipan derma melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) Brunei Prihatin berjalan selama 45 hari itu bermula 8 Jun 2016 hingga

22 Julai 2016.

Kutipan melalui SMS itu adalah sebagai alternatif bagi orang ramai untuk menghulurkan derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan.

Penjenamaan Baharu Saluran-Saluran Televisyen Brunei dilancarkan



SUNGAI AKAR, Selasa, 11 April. - Penjenamaan baharu saluran-saluran Radio Televisyen Brunei (RTB) adalah sebagai langkah untuk mengemas kini perkhidmatan siaran televisyen ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti yang lebih fokus dan kos-efektif.

Sehubungan itu, RTB mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Baharu Saluran-Saluran Televisyen Brunei bertempat di Studio 4, Kompleks Penyiaran RTB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan pelancaran majlis tersebut

PEMANGKU Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar selaku tetamu kehormat semasa menandatangani plak.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

ialah Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Mohammad Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, pegawai-pegawai kanan di JPM dan RTB serta pegawai dan kakitangan RTB.

Melalui penjenamaan itu, Saluran RTB1 digabungkan dengan RTB5 dan dinamakan sebagai RTB Perdana dengan slogan 'Menjana Inspirasi' yang berkongseian Familytainment (saluran keluarga), di mana perisian program berbentuk kekeluargaan yang memberikan pendidikan, maklumat dan hiburan.

Manakala itu, saluran RTB2 program menggabungkan informasi dan pendidikan.

Sementara itu saluran RTB2 digabungkan dengan RTB3HD dan dikenali sebagai RTB Aneka dengan slogannya 'Varia Pilihan' yang berkongseian Familytainment (saluran keluargaan), di mana perisian program berbentuk kekeluargaan yang memberikan pendidikan, maklumat dan hiburan.

Manakala itu, saluran RTB4 International kini dinamakan sebagai RTB Sukmainder dengan slogannya 'The Colours of Brunei Darussalam' yang berkongseian Jendela Informasi Brunei di mata dunia dengan membarigakan maklumat-maklumat mengenai NBD ke luar negara, dan mulai 1 Mac 2017 yang lalu, RTB Sukmainder boleh diikuti secara live streaming di laman sesawang rasmi www.rtb.gov.bn dan melalui saluran tempatan (terrestrial).

Dari itu, penjenamaan tersebut melibatkan penyusunan semula genre rancangan bagi setiap saluran dan mengoptimakan waktu siaran, selain itu, ia juga akan dapat meningkatkan peratus rancangan tempatan bagi setiap saluran.

Terdahulu Pengarah RTB dalam ucapannya alu-aluannya menjelaskan, dengan dunia penyiaran yang sangat sengit, RTB menyedari akan perlunya mengatur, menyusun dan mengambil langkah-langkah strategik ke arah mewujudkan ekosistem penyiaran awam yang lebih sustainable, berdaya saing dan maju, yang mana dengan jumlah penduduk yang mencapai hampir 400 ribu orang serta kandungan isi rumah yang melebihi 70 ribu, RTB wajar untuk menggiatkan peranan dalam memberikan impak yang positif dan berguna kepada masyarakat.



PEMANGKU Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan (dua, kiri) semasa melawat bilik 'Playout Centre' (POC).

KKBS atur strategi program pembangunan belia holistik



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Ali

TANAH JAMBU, Selasa, 11 April. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) akan terus menerus *evolving* dan segar bersesuaian dengan keperluan semasa dan yang akan datang supaya tetap relevan untuk mengangkat PPB sebagai Pusat Kecemerlangan Pembangunan Belia.

Dengan tanggungjawab ke hadapan PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menentukan bidang tugas PPB ke persada yang lebih tinggi.

Antara bidang tugas tersebut ialah meneliti langkah-langkah ke arah Pusat Kecemerlangan Pembangunan Belia yang dinamik dan inklusif serta mengatur strategi dan menyediakan program pembangunan belia yang holistik serta dapat mempersiapkan belia bagi mengharungi masa depan yang serba mencabar.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof

Mohd. Yussof berkata demikian pada Majlis Penyampaian Sijil Kali Ke-17 Program Pembangunan Belia Sesi Januari 2015 dan Julai 2015 bertempat di PPB, di sini.

Yang Berhormat menambah, bidang tugas berkenaan juga termasuk meningkatkan kualiti dan kapasiti tenaga pengajar, mempelbagaikan dan meningkatkan program kemahiran dan kepimpinan belia serta meluaskan program-program memperkasa belia khususnya melalui kerjasama strategik dengan agensi atau pakar yang berkenaan.

Pada masa yang sama jelasnya, membuka peluang yang saksama bagi semua belia yang berkelayakan termasuk yang berkeperluan khas, menawarkan kursus-kursus singkat yang membawa pulangan yang cepat kepada peserta, memberi kemahiran dalam tempoh yang lebih cepat serta menawarkan kursus singkat pada seluruh spektrum belia.

Terdahulu, Yang Berhormat

menyatakan, pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar dan di Negara Brunei Darussalam, usaha membangunkan modal insan akan terus dipergiatkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pendekatan kepada pembangunan insan, ujar Yang Berhormat, menekankan kepada pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi.

Jelas Yang Berhormat, PPB telah melatih hampir 4,000 orang belia dalam pelbagai latihan kemahiran termasuk program jangka pendek mahupun kursus-kursus singkat.

"Dari segi pembangunan kursus yang ditawarkan, saya menyambut baik usaha PPB mengkaji kehendak pasaran pekerjaan dan industri di negara ini," tambah Yang Berhormat.

Penawaran kursus yang relevan dengan tuntutan serta keperluan

semasa negara dijangka dapat meningkatkan kemahiran, kelayakan bekerja atau *employability* belia adalah mustahak atau *crucial* pada keunggulan dan kecemerlangan PPB di masa akan datang, jelasnya.

Sementara itu ujar Yang Berhormat, perlaksanaan program persijilan dan pengiktirafan City & Guilds bagi sebahagian kursus mulai tahun 2015 adalah juga satu mercu tanda bagi PPB.

Dalam hubungan itu, kata Yang Berhormat, PPB adalah pada landasan yang betul dalam meningkatkan kebolehpasaran atau *marketability* dan mobiliti keluaran PPB menerusi latihan yang mempunyai standard antarabangsa.

Sementara itu, Yang Berhormat turut menyeru agar lebih ramai lagi belia tampil memberanikan diri menerokai bidang keusahawanan kerana ia mempunyai fungsi yang sangat *crucial* pada pembangunan ekonomi negara yang bukan sahaja dapat menjana pendapatan bagi diri belia, tetapi juga membuka peluang-peluang pekerjaan kepada belia yang lain.

256 graduan PPB terima Sijil Program Pembangunan Belia

TANAH JAMBU, Selasa, 11 April. - Seramai 256 orang graduan Pusat Pembangunan Belia (PPB) terdiri daripada 91 orang bagi Sesi Januari dan 142 bagi Sesi Julai 2015 menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan kursus.

Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Belia kali Ke-17 yang berlangsung di PPB, di sini, telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Para penerima sijil terdiri daripada mereka yang telah mengikuti Kursus Level 2 Award in 2D Computer Aided Design, Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Office Application System, Kursus Skill Proficiency Certificate in Food Preparation, Kursus Skill Proficiency Certificate in Food & Beverage Service, Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Plumbing, Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning, Kursus Skill Proficiency Certificate in Fabrication, Welding and Pipe Work, Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen, Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan dan Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan.

Pada majlis tersebut, seramai enam orang graduan juga telah terpilih menerima hadiah Pelatih Terbaik dalam Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan, Program Pembangunan Diri dan Program Penempatan Kerja.

Hadiyah Terbaik Keseluruhan Sesi Januari 2015 diterima oleh Daniel bin Awang Takoh dari Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Office Application System yang juga menerima hadiah Terbaik Program Penempatan Kerja.

Manakala Mohammad Abdul Azrol Shahfuddin bin Abd. Latif dari Kursus Skill Proficiency Certificate in Food Preparation pula menerima hadiah Terbaik Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan dan Muhammad Haziq bin Jami dari Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Office Application System menerima hadiah terbaik Program Pembangunan Diri bagi Sesi Januari 2015.

Sementara itu, bagi Sesi Julai 2015,



hadiah Terbaik Keseluruhan diberikan kepada Mohammad Alif Azizan bin Mohammad Abidin dari Kursus Skill Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air Conditioning, Kursus Skill Proficiency Certificate in Fabrication, Welding and Pipe Work, Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen, Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan dan Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan.

Dayang Siti Noraziemah binti Johari dari Kursus Level 2 Award in 2D Computer Aided Design menerima hadiah Terbaik Program Pembangunan Diri, manakala Mohammad Fakhriyuddin bin Kipli dari kursus yang sama menerima hadiah Terbaik Program Penempatan Kerja.

Semasa ditemui, Dayang Anati Nabihah binti Haji Hariwan yang mengikuti Kursus Asas Kemahiran Kecantikan menjelaskan bahawa beliau merancang untuk menjalankan bisnesnya sendiri iaitu menawarkan perkhidmatan solekan bagi pengantin.

Menurutnya, beliau memang meminati bidang ini dan pada masa ini sudah berjinak-jinak mengambil upah solekan secara sampingan dan berharap dapat mengembangkan lagi usahanya satu hari nanti.

Sementara itu, Pembantu Tenaga Pengajar, Awang Mohammad Nur Sallehuddin bin Haji Osman pula menjelaskan, di PPB mereka mendidik para pelatih dengan kemahiran agar mereka dapat bekerja, di mana juga

bahagian sektor Kerajaan dan swasta.

Jelasnya, sebahagian daripada para pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus sebelumnya kini sudah pun mempunyai pekerjaan masing-masing, antaranya menjadi cef di hotel-hotel di negara ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang Pelatih Program Pembangunan Belia Sesi Januari 2015 dan Julai 2015 (atas kiri dan kanan).

Warga asing dipenjara 12 bulan rasuah wadar

Siaran Akbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang bekas banduan warganegara Sri Lanka, Pathmanathan Jegan @ Muhammad Saifullah bin Abdullah setelah tertuduh mengaku bersalah memberikan wang suapan sebanyak BND295.62 kepada Wadar 543 Norizam bin Awang Hidup, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) dan kesalahan di bawah Bab 109 dibaca bersama Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), iaitu kesalahan bersubahat dengan Norizam untuk melakukan kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa pada atau sekitar bulan Ogos 2015, tertuduh semasa menjalani hukuman penjara dengan secara tidak jujur mengarahkan Norizam untuk menerima wang suapan berjumlah 200 Euro bersamaan BND295.62 (Dua Ratus Sembilan Puluh Lima dan Enam Puluh Dua Sen) yang dihantar oleh ahli keluarga Pathmanathan Jegan melalui Western Union, Bandar Seri Begawan sebagai ganjaran meminjamkan telefon bimbit HTC kepunyaan Norizam untuk menghubungi seseorang di luar penjara tanpa kebenaran Pegawai Penguasa, Jabatan Penjara.

Majistret Azrimah telah menjatuhkan hukuman 12 bulan penjara bagi setiap pertuduhan, yang

mana hukuman dijalankan secara serentak berkuatkuasa pada 1 Mac 2017.

Sementara itu, semasa kes ini dihadapkan di Mahkamah pada 29 Mac 2017 yang lalu, Wadar 543 Norizam Awang Hidup telah mengaku bersalah atas tiga (3) pertuduhan di bawah Bab 59 Akta Penjara (Penggal 51) dan tertuduh mengaku tidak bersalah di atas satu pertuduhan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) dan satu pertuduhan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22). Mahkamah Majistret telah menetapkan tarikh 5 hingga 17 Mac 2018 sebagai tarikh perbicaraan bagi Wadar 543 Norizam.

Pihak pendakwaan telah diwakili Timbalan Pendakwa Raya Hajah Anita Rafiza binti Haji Abd. Ghani dari Jabatan Peguam Negara.

Pemenang Minda Pembaca!



Tingkatkan kesedaran kepentingan pemuliharaan alam sekitar

ALAM sekitar meliputi segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi. Alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kita. Pemuliharaan terhadap alam sekitar seperti hutan dan sumber air adalah amat penting. Alam sekitar merupakan tempat tinggal bagi flora dan fauna yang merupakan biodiversiti yang menghasilkan oksigen bagi segala kehidupan di dunia ini. Flora merupakan tempat perlindungan pelbagai fauna daripada angkara manusia atau sesama haiwan sendiri. Kepupusan salah satu daripadanya akan menjelaskan kitaran

alam semula jadi. Hal ini akan menjelaskan pertumbuhan flora dan fauna pula akan kehilangan habitatnya.

Selain itu, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting seperti sumber air, ia adalah untuk memudahkan manusia mendapat sumber air yang bersih dan tidak tercemar. Pencemaran air berlaku apabila berlakunya sisa pembuangan pepejal seperti membuang sampah dan sisa kumbuhan dan racun toksik ke dalam sungai. Secara tidak langsung, manusia yang menggunakan air yang tercemar akan mendapat penyakit yang membawa mudarat kepada kita.

Selain itu, kehidupan dalam air juga turut merasakan akibat yang sama. Tanpa pemusnahan hutan, ia dapat berfungsi sebagai kawasan tahanan hujan. Kehadiran hutan-hutan tahanan hujan akan menaunk air hujan secara semula jadi dalam kuantiti yang besar dan akan dapat disalurkan dengan baik ke sungai. Oleh itu, kita perlu menjaga kebersihan sungai agar sumber air yang kita perolehi selamat untuk digunakan.

Seterusnya, aktiviti pembalakan yang berleluasa akan memberikan kesan buruk kepada alam sekitar dan hutan-hutan. Sekiranya aktiviti ini tidak dapat dikawal, jumlah tumbuhan hijau akan berkurangan dan ini akan menjadikan cuaca semakin panas dan tidak stabil. Oleh itu, hutan perlu dipelihara bagi mengelakkan suhu bumi meningkat dan menyebabkan pemanasan global. Melalui persekitaran yang segar dan nyaman juga, orang ramai boleh melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan yang boleh menimbulkan perasaan rimas,

marah dan tidak selesa. Aktiviti riadah yang dijalankan dalam keadaan bersih akan menguatkan kesihatan kita. Dengan ini, kesihatan manusia akan terjamin. Kita harus sedar akan kepentingan memelihara dan memulihara alam semula jadi di sekeliling kita. Usaha-usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar terus dilakukan oleh pelbagai pihak di negara ini seperti kempen kebersihan, perkhemahan alam sekitar bagi belia, seminar, bengkel, pameran dan pengedaran brosur tentang penjagaan alam sekitar. Tujuannya adalah bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penyertaan orang ramai bagi memelihara alam sekitar.

**Nama : Azmi bin Mohamad Noor @ Morshidi
No. K/P : 01-055467 (K)
Alamat : No 20, Simpang 43-18, STKRJ Lorong 3, Selatan Seria, KB1533, Negara Brunei Darussalam**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Amalkan Budaya Menabung dan Berjimat Cermat'. Tarikh Tutup : **12 April 2017**
2. 'Keluarga Berperanan Bentuk Sahsiah Anak-Anak'. Tarikh Tutup : **19 April 2017**
3. 'Elakkan Pembaziran Kekalkan Penjimat Tenaga Elektrik'. Tarikh Tutup : **26 April 2017**

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Kaya miskin adalah ujian Allah

ALLAH Subhanahu Wata'ala telah menentukan rezeki di antara para hamba-Nya, ada yang kaya dan ada yang miskin. Firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Israa, ayat 30 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkannya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Teliti lagi Maha Melihat hamba-hamba-Nya."


Firman ini, menjelaskan bahawa Dialah yang memberi rezeki. Tiada siapa yang boleh beri rezeki kecuali Allah. Allah memberikan kenikmatan dan melimpahkan rezeki kepada hamba-Nya yang Dia dikehendaki dan Allah juga meyempitkan rezeki hamba-Nya yang Dia kehendaki.

Miskin atau kaya merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Anbiya, ayat 35 yang tafsirnya :

"Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan, kepada Kamilah kamu akan dikembalikan (untuk dihisab dan menerima balasan)."

Ayat di atas menerangkan bahwasanya Allah Ta'ala menguji hamba-Nya dengan memberikan kenikmatan dan melimpahkan rezeki atasnya. Allah juga menguji manusia dengan menyempitkan rezekinya. Keduanya adalah ujian Allah. Namun kita kadang menganggap kemiskinan adalah azab, sementara kekayaan adalah rahmat. Padahal tidak begitu halnya. Sebaliknya manusia boleh hanyut dan tenggelam dalam kekayaan dan kemewahan dunia sebagaimana disebutkan dalam Surah Al-Fajr ayat, 15 - 20 yang tafsirnya :

"Adapun manusia itu apabila Tuhan mengujinya lalu memuliakan dan memewahkan hidupnya, dia pun berkata : "Tuhanku telah memuliakan aku. Dan apabila Tuhan mengujinya lalu menyempitkan rezekinya dia pun berkata "Tuhanku telah menghinakan aku." Jangan



sekali-kali (berkata demikian) bahkan sebenarnya kamu tidak memuliakan anak yatim. Dan kamu tidak saling memberi makan orang miskin. Dan kamu memakan harta pusaka dengan cara mencampurbaikan (yang halal dengan yang haram). Dan kamu (juga) menyayangi harta secara berlebih-lebihan.

Allah menerangkan anggapan manusia bahawa terbukanya pintu rezeki dan melimpahnya harta adalah bukti Allah memuliakannya, dan sempitnya rezeki adalah petanda Allah menghinakannya adalah tidak benar sama sekali. Kaya dan miskin bukanlah ukuran kemuliaan seseorang atau kehinaannya. Keduanya hanyalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala,

Adakah mereka menyangka bahawa apa

yang Kami kurniakan kepada mereka daripada harta dan anak-anak itu. (Bererti bahawa) Kami menyejarkan bagi mereka kebaikan-kebaikan? (Tidak, bukan begitu) bahkan mereka tidak menyedari (hakikat yang sebenar).

Allah telah menyatakan bahawa kemiskinan bukanlah tanda kebencian Tuhan atau penghinaan begitu juga kekayaan bukanlah tanda kemuliaan, tetapi ia merupakan satu bentuk ujian kepada manusia. Sama ada ia dapat bersabar atau sebaliknya di dalam berhadapan dengan ujian ini.

Sebenarnya Allah Maha Adil dan Bijaksana dalam menentukan hidup hamba-hamba-Nya. Hanya kita manusia sahaja yang merasa diri kita tidak diadili dengan seadil-adilnya. Sebagai hamba Allah yang beriman, kita tidak perlu bersedih jika diberi kehidupan miskin dan susah. Sebaliknya kita hendaklah bersabar dan berusaha supaya dapat mengatasi ujian tersebut. Allah menetapkan kehidupan susah tidak lain hanya kerana ingin menguji iman dan ketakwaan kita. Perkara ini dijelaskan dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 155 - 156, yang tafsirnya :

"Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu)."

Orang-orang yang kaya, pula apabila mendapat kemuliaan dan kemewahan, hendaklah

'ALLAH telah menyatakan bahawa kemiskinan bukanlah tanda kebencian Tuhan atau penghinaan begitu juga kekayaan bukanlah tanda kemuliaan, tetapi ia merupakan satu bentuk ujian kepada manusia. Sama ada ia dapat bersabar atau sebaliknya di dalam berhadapan dengan ujian ini.'

bersyukur kepada Allah. Jangan sekali-kali mensia-siakan atau menyalah gunakan kekayaan yang dikurniakan, sebaliknya hendaklah membelanjakannya ke jalan yang berkebajikan. Gunakanlah kekayaan yang dikurniakan untuk bersedekah dan menderma harta bagi membantu orang-orang susah, fakir miskin dan ana-anak yatim.

Kesimpulannya, kekayaan dan kemiskinan sama saja di mata Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua-duanya adalah ujian kepada manusia di dunia ini. Yang membezakan adalah iman dan taqwanya. Apabila seseorang itu diberikan kekayaan, maka hendaknya ia bersyukur kepada Allah atas hal itu, dan jika ia berada dalam kemiskinan, maka hendaknya ia bersabar. Allah tidak memuliakan seseorang dengan memberikan keluasan rezeki kepadanya, dan tidak menghinakannya dengan memberikan rezeki yang sempit.

Kekayaan dan kemiskinan ada kalanya boleh membawa kebaikan dan ada kalanya pula boleh membawa pada keburukan. Kemiskinan boleh menjadikan seseorang terdorong melanggar larangan Allah seperti mencuri, merompak dan sebagainya semata-mata untuk memperolehi harta kekayaan. Namun kemiskinan juga boleh menjadikan seseorang sentiasa insaf, ingat kepada Allah dan bergantung dengan-Nya sepanjang masa. Malah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat suka berdampingan dengan golongan miskin kerana ia boleh melembutkan hati dan menyuburkan sifat tawaduk dan rendah diri.

Begitu juga halnya, kekayaan jika digunakan sebaik-baiknya, ia boleh menjadi pendorong pada ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tetapi sebaliknya jika ia disalahgunakan ia boleh menghanyutkan manusia dalam arus kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jerayawara tingkat kesedaran menabung



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, Ketua Kampung Labi (kiri) selaku tetamu kehormat ketika melihat pameran pada Jerayawara sempena Hari Menabung Kebangsaan.

LUMUT, Isnin, 10 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Perkerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensi berkenaan mengadakan jerayawara yang ketiga bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hjh Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada jerayawara tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, Ketua Kampung Labi.

Menurut Siaran Akbar AMBD,

jerayawara yang bertemakan 'Generasi Celik Kewangan' itu diharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menabung, pandai berdiskar dari segi kewangan (financial independence) dan seterusnya untuk meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara-cara untuk menangani isu-isu kewangan.

Ini adalah selaras dengan usaha AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan juga matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.

Seramai 100 penuntut dari



ANTARA aktiviti-aktiviti pada jerayawara tersebut (atas dan bawah).

sekolah-sekolah menengah di Daerah Belait telah dijemput ke jerayawara ini, di mana para penuntut telah ikut serta dalam permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan serta pengenalan mata wang, dianjurkan oleh AMBD, TAP, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Takaful Brunei Keluarga dan Junior Achievement.

Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai boleh melayari laman sesawang AMBD melalui www.ambd.gov.bn/nsd2017 atau memuat turun AMBD App dari App Store atau Google Playstore atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.



Seminar FVC kongsi pengetahuan dan tukar pengalaman

TUNGKU LINK, Isnin, 10 April. - Satu seminar mengenai 'Food Value Chain' (FVC) diadakan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang turut memperkenalkan Mini Produk Makanan Tempatan daripada Wakil-wakil Majlis Perundungan Mukim dan Kampung - Satu Kampung Satu Produk.

Seminar yang diadakan dari 10 - 12 April itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), UBD dan kerajaan Jepun melalui Sekretariat ASEAN.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan seminar berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Noriko Iki bersama Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UBD, Profesor Dr. David Koh dan Timbalan Ketua Pengarah Kauncelor, Biro Hal Ehwal Industri Makanan, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF), Jepun, Masaki Maruyama.

Seminar FVC adalah sebahagian daripada projek yang dipanggil 'Human Resources Development in Food-Related Areas through Partnership with ASEAN Universities'



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (depan, empat dari kanan) bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke negara ini, Puan Yang Terutama Noriko Iki (depan, lima dari kanan), Puan Yang Terutama Noriko Iki bergambar bersama peserta-peserta yang menyertai Seminar 'Food Value Chain' (FVC) yang diadakan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

yang dibiayai oleh MAFF, Jepun dan dilaksanakan oleh Sekretariat ASEAN melalui kerjasama dalam kalangan universiti-universiti terkemuka di rantau ASEAN.

Seminar yang buat julung kalinya diadakan itu dijangka akan dapat menyumbang pada pertumbuhan

industri makanan di Negara Brunei Darussalam.

Melalui seminar itu juga pelbagai siri kuliah turut diadakan dan disampaikan oleh pakar-pakar dari industri makanan Jepun juga wakil-wakil dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal

Oleh : Khartini Hamir, Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Syariah Brunei Darussalam. dan bertukar pengalaman di antara Antara objektif seminar itu pakar-pakar Jepun dengan adalah untuk berkongsi pengetahuan para peserta.

Mengebumikan mayat di waktu malam dan di waktu yang ditegah sembahyang

(Dengan nama Allah,
segala puji bagi Allah, selawat dan
salam ke atas Rasulullah Sallallahu
Alaihi Wasallam, keluarga,
sahabat dan para pengikut Baginda)

ISLAM itu sungguh indah. Islam amat menitikberatkan hak-hak manusia sama ada yang hidup ataupun yang telah meninggal dunia dengan tidak mengira kedudukan, pangkat, warna kulit dan jantina. Khususnya dalam perkara kematian, Islam tidak mengabaikan dan tidak membiarkan mayat seseorang itu tidak diurus. Islam sangat mengambil berat mengeninya sehingga mayat itu sempurna dikebumikan dan ia menjadi kewajipan fardhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyempurnakannya.

Malah sunat menyegerakan urusan mayat, iaitu memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan mayat setelah diyakini kematian seseorang itu dengan adanya tanda-tanda kematian seperti kedua-dua kaki lembik dan tidak menegak, hidung condong dan kedua-dua pelipis cekung atau pengesahan daripada pegawai perubatan yang diiktiraf. Malahan wajib menyegerakannya jika ditakuti mayat itu akan berubah.

Walau bagaimanapun jika tidak diyakini kematian seseorang itu, maka wajiblah diakhirkan pengurusannya sehingga diyakini kematiannya seperti berubah bau mayat atau seumpamanya.

Galakan menyegerakan urusan mayat ini ada disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada al-Hushain bin Wahwah Radhiallahu anhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melawat Thalhah bin al-Bara' Radhiallahu anhu yang jatuh sakit. Baginda bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya aku fikir Thalhah itu kelihatan padanya tanda-tanda kematian. Maka kamu khabarkan kepadaku apabila dia mati (agar aku dapat menyembahyangkannya) dan bersegeralah kamu (menguruskan mayatnya). Kerana sesungguhnya mayat seorang Islam itu tidak patut ditahan di kalangan keluarganya (membiarkan mayat tidak diurus sehingga berubah dan menambah kesedihan keluarga)." (Hadis riwayat Abu Daud)

Oleh itu, bersegeralah dalam menguruskan mayat seseorang itu sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Namun persoalan yang timbul dalam perkara menyegerakan ini, adalah harus mengebumikan mayat di waktu malam tanpa menunggu waktu siang ataupun melukukannya pada waktu-waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang?

Hukum mengebumikan mayat di waktu malam

Perkara mengebumikan mayat di waktu malam ini sering terjadi di kalangan masyarakat terutama sekali apabila terjadi kematian di waktu petang. Ia terus disempurnakan pada malam itu juga tanpa menunggu keesokan harinya.

Menurut hukum syarak, mengebumikan mayat di waktu malam hukumnya adalah harus dan tidak makruh. Ini kerana 'Aisyah, Fatimah, Abu Bakr, 'Umar dan 'Utsman Radhiallahu anhum dikebumikan pada waktu malam. Bahkan dikhabarkan oleh 'Aisyah Radhiallahu anha bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dikebumikan pada waktu malam.

Hukum mengebumikan mayat di waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang

Selain mengebumikan mayat di waktu malam, adakalanya pengebumian mayat itu dilakukan pada waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang.

Apa yang dimaksudkan dengan sembahyang yang ditegah itu ialah Sembahyang Sunat *Muthlaq*, iaitu sembahyang yang tiada mempunyai sebarang sebab seperti Sembahyang Sunat Tasbih dan juga sembahyang yang bersebab, tetapi sebabnya itu terkemudian seperti Sembahyang Sunat *Ihram* dan Sembahyang Sunat *Istikharah*. Adapun sembahyang yang sebabnya terdahulu daripada sembahyangnya ataupun beriringan seperti sembahyang qadha sama ada fardu atau sunat, Sembahyang Sunat Hari Raya, Sembahyang Sunat Dhoha, Sembahyang Sunat *Wuduk* dan Sembahyang Sunat *Tahiyyatul Masjid*, maka harus dikerjakan pada waktu-waktu tegahan itu.

Menurut hukum syarak, mengebumikan mayat di waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang itu adalah harus dan tidak

dihukumkan makruh sekiranya tidak disenghajaan memilih atau mencari-cari waktu tersebut. Akan tetapi jika sengaja memilih atau mencari-cari waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang itu untuk mengebumikan mayat pada waktu tersebut maka hukumnya adalah makruh.

Diriwayatkan daripada 'Ula'i bin Rabah bahawa beliau mendengar 'Uqbah bin 'Amir al-Juhani Radhiallahu anhu berkata :

Maksudnya : "Tiga waktu yang Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam mlarang kami untuk mengerjakan sembahyang atau mengebumikan mayat-mayat kami di dalamnya (waktu-waktu tersebut, iaitu) : "Ketika matahari mula terbit sehingga meninggi, dan ketika bayang-bayang menegak (tiada bayang-bayang di timur dan barat) saat orang berdiri di tengah hari (ketika matahari menegak) sehingga tergelincir matahari, dan ketika matahari condong untuk terbenam sehingga ia terbenam."


(Hadir riwayat Muslim)

Hadir ini menunjukkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mlarang untuk mengerjakan sembahyang dan mengebumikan mayat pada tiga waktu tersebut. Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah ketika mensyarahkan hadis di atas, bahawa maksud larangan mengebumikan mayat pada waktu-waktu tersebut ialah kerana sengaja mengakhirkannya ke waktu-waktu yang ditegah sebagaimana makruh mengakhirkannya sembahyang. Asar dengan sengaja tanpa keuzuran ke waktu kekuning-kuningan. Oleh itu, jika mengebumikan mayat pada waktu-waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang itu tanpa disenghajaan maka hukumnya adalah tidak makruh.

Maka ketiga-tiga waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang sebagaimana yang disebutkan dalam hadis di atas adalah seperti berikut :

1. Waktu matahari mula terbit sehingga matahari naik tinggi kira-kira kadar satu tombak. Satu tombak itu adalah kira-kira kadarnya tujuh hasta paras ketinggian orang biasa dan satu hasta pula ialah kira-kira menyemai dengan lapan belas inci.

2. Waktu Istiwa', iaitu waktu matahari berada di tengah-tengah langit sehingga tergelincir matahari.



3. Waktu matahari berwarna kekuning-kuningan sehingga tenggelam keseluruhan matahari di ufuk.

Oleh itu, harus mengebumikan mayat pada waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang melainkan jika disenghajaan memilih atau mencari-cari waktu tersebut untuk mengebumikan mayat, maka hukumnya adalah makruh.

Waktu yang afdal mengebumikan mayat

Afdal dan sunat mengebumikan mayat pada waktu siang iaitu selain waktu malam dan waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang. Ini kerana mengebumikan mayat pada waktu siang itu mudah orang berkumpul dan melakukan kerja pengebumian.

Adapun jika ditakuti mayat itu akan berubah disebabkan mengakhirkannya pengebumiannya ke waktu yang disunatkan maka haram hukumnya diakhirkannya pengebumiannya itu bahkan wajib ia disegerakan, walaupun bukan pada waktu yang afdal.

Sebagai contoh, mayat yang hilang ditemui di waktu malam jika ia dikebumikan pada waktu siang nescaya mayat itu akan berubah, maka wajib ia disempurnakan pada malam itu juga dan haram diakhirkannya pengebumiannya ke waktu siang.

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa mengebumikan mayat itu adalah harus dilakukan pada bila-bila masa. Namun waktu yang dituntut dan afdal ialah pada waktu siang. Sekalipun demikian, mengebumikan mayat pada waktu malam atau waktu-waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang juga adalah diharuskan, tetapi jika sengaja untuk memilih waktu-waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang maka hukumnya menjadi makruh.

Kelas Bimbingan Mualaf terima sumbangan wakaf



Berita dan Foto : Ahmad Ajeeb

TUTONG, Isnin, 10 April. - Serombongan bekas penuntut Sekolah Menengah Berakas (XBES) telah menyampaikan sumbangan wakaf berupa Al-Quran dan rehal, buku Yaa Siin, tasbih dan peralatan sembahyang

ke rumah kediaman Dayang Hajah Nur Amalina binti Abdullah Ang di Kampung Batang Mitus, yang merupakan tempat sesi pembelajaran Kelas Bimbingan Mualaf dalam bidang Al-Quran dan pengetahuan



PENGHULU Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin menyampaikan sumbangan daripada XBES kepada Kelas Bimbingan Mualaf dalam bidang Al-Quran dan pengetahuan agama Islam (kiri), sementara gambar atas, rombongan XBES bergambar kenangan bersama para pelajar serta tenaga pengajar kelas bimbingan mualaf.

agama Islam.

Rombongan diketuai oleh Dayang Nizarena binti Haji Lukman @ Haji Mohiddin yang juga mengetuai bagi pengurusan bahagian Kelas

Bimbingan Mualaf Kampung Batang Mitus / Kebia dan sekitarnya yang dikelolakan oleh Pusat Dakwah Islamiah, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin dan isteri.

٥٠ تاھون کل قرار مرینته داتس تختا

50 TAHUN KEKAL QARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Lahirkan graduan berkualiti tinggi



UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) mementingkan lingkungan pembelajaran yang kondusif sejak awal penubuhannya bagi melahirkan graduan yang berkualiti.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang pemimpin yang sangat prihatin terhadap kualiti para graduan yang dikeluarkan oleh universiti. Hal ini jelas terbayang sebelum tertubuhnya Universiti Brunei Darussalam (UBD) lagi sepertimana titah baginda semasa Majlis Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran pada 14 Ogos 1976.

"Untuk menjayakan rancangan kemajuan ini kerajaan beta benar-benar berkehendakkan tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi serta berpengalaman yang luas, di samping mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada Negeri Brunei Darussalam. Untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan, maka kerajaan beta akan menyiasat kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran tertinggi dalam negeri Brunei dengan mendapatkan pandangan serta nasihat dari pakar-pakar badan pengajian tertinggi di United Kingdom seperti London Universiti..."

Hal ini juga memperlihatkan wawasan baginda, lebih-lebih lagi setelah Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada

1 Januari 1984 dengan kewujudan UBD pada 28 Oktober 1985 yang diharapkan dapat melahirkan sumber tenaga manusia berkualiti yang diperlukan bagi mengisi kemerdekaan tersebut. Penubuhan UBD sebagai sebuah universiti pertama di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu perkembangan penting dalam dunia pendidikan semasa pemerintahan Kebawah DYMM kerana ia dapat memberikan rakyat dan penduduk Brunei lebih banyak peluang dan kesempatan untuk mengikuti pengajian tinggi, dan dalam masa yang sama kerajaan berpeluang memperolehi sumber tenaga manusia daripada rakyat baginda sendiri yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkualiti, yang setentunya boleh menyumbang pada pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan.

Selaku Canselor UBD, keprihatinan Kebawah DYMM juga terlihat apabila baginda kerap menekankan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dalam titah-titah baginda dalam majlis Konvokesyen UBD sejak konvokesyen yang pertama 1989 sehingga 2016. Antaranya, baginda bertitah bahawa para graduan UBD, bukan sahaja perlu meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik, tetapi juga dalam bidang ko-kurikulum dan keagamaan. Baginda berharap para graduan mempunyai kualiti yang tidak kurang nilainya dengan kualiti para graduan universiti luar

negara.

Menurut baginda, antara usaha yang perlu dilakukan mahasiswa bagi mencapai kualiti yang diharapkan, mereka mestilah mempunyai sikap interaksi dan sentiasa ingin bersaing secara sihat dengan para pelajar luar negeri, bersifat terbuka dan sentiasa mengejar kecemerlangan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan supaya para graduan UBD mempunyai kemampuan untuk meraih pencapaian pada tahap yang lebih tinggi terutama dari segi ilmu dan kemampuan berfikir, serta berkebolehan dalam menghadapi cabaran global.

Kebawah DYMM seterusnya

berpendapat bahawa kegiatan akademik sahaja belum cukup untuk melahirkan para graduan yang benar-benar berkualiti jika diri mereka tidak terisi dengan sifat takwa dan berkeperibadian mulia. Menurut baginda, UBD mestilah menyerapkan *Islamic input* ke dalam program-program akademik, kursus-kursus dan latihan-latihan yang dikendalikan. Semua aktiviti yang dijalankan di universiti mestilah mempunyai nilai-nilai keagamaan dengan menjadikan Al-Quran sebagai dasar dan panduan dalam kehidupan. Keprihatinan baginda dalam hal ini, jelas tergambar apabila baginda telah memperkenankan penubuhan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang kemudian ditukar namanya menjadi Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien atau Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies di UBD dengan menawarkan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan mengikut perspektif Islam. Hal ini memperlihatkan sikap dan pemikiran baginda yang didasari keinginan untuk memartabatkan syiar dan pendidikan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bagi melahirkan graduan yang berkualiti seperti yang diharatkann oleh Kebawah DYMM, UBD telah melaksanakan beberapa langkah yang dinamik mengikut keperluan dan kesesuaian semasa bagi melahirkan graduan yang berkualiti seperti mempertingkatkan kaedah pengajaran dengan menggunakan teknik semasa yang relevan; memperluas dan mengukuhkan aktiviti penyelidikan; menyerapkan

Oleh :
Universiti Brunei Darussalam
dengan kerjasama Meja Kandungan Khas

Islamic input ke dalam kurikulum dan ko-kurikulum.

Ke arah ini, UBD memperkenalkan program GenNext yang dapat memberikan kebebasan mahasiswa untuk mengikuti program dan modul berdasarkan minat dan kecenderungan. UBD juga mengadakan program kembar dengan universiti-universiti ternama, menghantar mahasiswa mengikuti 'The Junior Year Abroad Programme' yang sejak 2009 ditingkatkan menjadi 'tahun penemuan' atau Discovery Year. Di bawah program ini, lebih ramai pelajar tahun ketiga yang berkelayakan dihantar ke luar negara bagi mengikuti *study abroad* di universiti-universiti ternama luar negara seperti ke King's College London, United Kingdom, Ganeung-Wonju National University (GWNU) Korea, University of Manchester, United Kingdom, New York University, Karolinska Institute Stockholm Sweeden, Queen's University of Belfast Ireland, University of Groningen Netherland, dan lain-lain. Program ini banyak memberikan pendedahan dan pengalaman yang berguna dalam usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi.

Ke muka 11



STRUKTUR kurikulum GenNEXT UBD akan sentiasa membuka ruang kepada mahasiswa / bakal graduan dalam menerokai pelbagai kajian.

٥٠ تاھون کل قرار میرینته داتس تختا

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Dari muka 10

Bagi meningkatkan lagi penghasilan graduan yang bermutu dan berkualiti, UBD juga aktif membuat jalinan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan beberapa buah universiti ternama di United Kingdom, Amerika Syarikat, China, Republik Korea, Jepun, Rusia, Netherlands, Egypt, Jerman dan lain-lain; mempertingkatkan kapasiti pensyarah-pensyarah luar negeri yang berkualiti tinggi, menawarkan program-program yang sentiasa relevan dengan kehendak dan kepentingan negara serta melantik penilai dan pemeriksa luar bagi memastikan penilaian program dan kursus yang mencapai dan bersesuaian dengan piawaian / standard antarabangsa; meningkatkan kemudahan infrastruktur dan mewujudkan suasana kampus yang kondusif; memperbanyakkan koleksi perpustakaan dengan sumber rujukan yang lengkap.

Sebagai sebuah institusi

pengajian tinggi yang berperanan memperkembangkan evolusi akademik, UBD secara aktif di dalam pelbagai kerjasama dan penyelidikan yang bersifat inovatif melibatkan cendekiawan-cendekiawan terkemuka juga penyelidik-penyelidik. UBD memupuk budaya penyelidikan yang proaktif melalui kerjasama dalam kalangan pelajar, ahli akademik dan saintis antarabangsa yang bertujuan untuk memperkembangkan pengetahuan dan inovasi, perkongsian industri dan pengkomersialan penciptaan-penciptaan hasil universiti. Dalam memupuk minda dan kemahiran keusahawanan, UBD juga membekalkan pelajarnya dalam pelbagai program keusahawanan dan bahkan juga menggalakkan pelajar-pelajarnya dalam ikut serta dalam persidangan yang berkaitan tentang keusahawanan. Ini merupakan langkah UBD dalam menjadi institusi khazanah ilmu yang mampu melahirkan graduan yang berjiwa kental dan berkebolehan mengharungi arus



UNIVERSITI Brunei Darussalam akan sentiasa menjadi paksi utama pengetahuan dan pendidikan bagi negara.

LANGKAH UBD dalam mempertingkatkan lagi kualiti para graduan jelas tergambar apabila tercatatnya Universiti Brunei Darussalam dalam Asian QS University Ranking pada Mei 2014, iaitu UBD telah mencapai kedudukan 50 teratas Universiti-Universiti di Asia dalam lima daripada sembilan kategori yang telah dinilai.

Secara keseluruhan, UBD telah berada dalam ranking 171 daripada kedudukan sebelumnya, iaitu 2500 - 3400. Pada tahun 2015 dan 2016 kedudukan UBD bertambah baik apabila Asian QS University Ranking telah meletakkan secara keseluruhan UBD dalam kedudukan 125 teratas. Malah pada tahun 2016, UBD berjaya mencapai kedudukan 20 teratas di dalam lima kategori yang telah dinilai, berbanding tahun-tahun sebelumnya.

perubahan zaman.

Kini, UBD telah mencapai ke satu tahap kualiti graduan yang diharapkan, dan akan terus mengukir kemajuan yang relevan dari masa ke masa. Sehingga tahun 2016, UBD telah mengeluarkan seramai 100 Doktor Falsafah dalam berbagai bidang yang kebanyakannya mahasiswa dari luar negara, 2992 sarjana dan 12,287 sarjana muda. Graduan yang telah dikeluarkan kebanyakannya telah berjaya mencebur ke pelbagai bidang kerjaya dan ada di antara mereka diberikan kepercayaan menjawat jawatan-jawatan

penting dan tertinggi.

Langkah UBD dalam mempertingkatkan lagi kualiti para graduan jelas tergambar apabila tercatatnya Universiti Brunei Darussalam dalam Asian QS University Ranking pada Mei 2014, iaitu UBD telah mencapai kedudukan 50 teratas Universiti-Universiti di Asia dalam lima daripada sembilan kategori yang telah dinilai. Secara keseluruhan, UBD telah berada dalam ranking 171 daripada kedudukan sebelumnya iaitu 2500-3400. Pada tahun 2015 dan 2016 kedudukan UBD bertambah baik apabila Asian QS University

Ranking telah meletakkan secara keseluruhan UBD dalam kedudukan 125 teratas. Malah pada tahun 2016, UBD berjaya mencapai kedudukan 20 teratas di dalam lima kategori yang telah dinilai, berbanding tahun-tahun sebelumnya. Setentunya pencapaian cemerlang ini terhasil dengan keiltizaman UBD untuk menjadi sebagai Universiti terbaik yang mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan ini sebenarnya didorong oleh keprihatinan Kebawah DYMM yang sentiasa memberikan sokongan dan sentiasa, tidak kendur-kendurnya menekankan kepentingan graduan yang berkualiti tinggi bagi masa depan negara. Sebagaimana titah baginda semasa Majlis Konvokeyan ke-28 UBD :

"Adalah perlu bagi UBD dan institusi-institusi pengajian tinggi lain, untuk memastikan program-program mereka sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang *marketable and future ready*."

Kebawah DYMM sangat mengambil berat akan penghasilan graduan yang *marketable and future ready*. Bahkan, baginda menasihatkan untuk menghasilkan graduan sedemikian, ia bergantung kepada institusi tinggi seperti UBD dalam menyediakan program-program yang sentiasa relevan dan berkualiti. Dalam hal ini, UBD yang sentiasa menjadi paksi utama pengetahuan dan pendidikan bagi negara, akan terus berusaha menyemai dan menyalurkan pengetahuan yang relevan bagi memupuk graduan yang berkualiti.



PENUBUHAN Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD adalah salah satu strategi UBD dalam pembangunan kerjaya dan profesional.

Wawasan Brunei dibarigakan bagi penghulu dan ketua kampung



ANTARA yang hadir ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu (dua, kanan) dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud (tengah).

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Selasa, 11 April. - Dalam usaha untuk membarigakan maklumat asas dan peranan masyarakat umum bagi menyokong perlaksanaan Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah mengadakan Sesi Pembarigaan Wawasan Brunei 2035 kepada Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung bagi Daerah Temburong, di sini.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga Penghulu Mukim Bokok, Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud; Pemangku Timbalan Pengarah, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 di JPM, Dayang Dr. Hajah

Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah; Pegawai-Pegawai Kanan dari Jabatan Daerah Temburong serta Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 serta seramai 19 Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dari Daerah Temburong.

Pemangku Timbalan Pengarah, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 di JPM, Dayang Dr. Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah dalam ucapannya menjelaskan, taklimat yang disampaikan adalah salah satu daripada usaha yang telah dimandatkan oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei bagi memastikan Wawasan Brunei 2035 dibarigakan kepada seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam.

Tambah beliau, Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan visi dan aspirasi jangka masa panjang Negara Brunei Darussalam. Kejayaan Wawasan Brunei 2035 bergantung

pada kerja keras dan kerjasama semua pihak yang bertindak bersatu sebagai satu senegara atau *whole of nation*. Menjayakan Wawasan Brunei ini bukanlah tanggungjawab tunggal pada kerajaan atau sesebuah kementerian atau jabatan, ia adalah tanggungjawab semua.

Majlis diteruskan dengan taklimat Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Awang Aziman bin Haji Awang Nasir dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, yang antara lain mengongsikan informasi berkaitan Wawasan Brunei 2035 termasuk dari aspek urus tadbir, kerangka kerja wawasan dan usaha di peringkat perlaksanaan.

Sesi tersebut bermatlamat membarigakan maklumat-maklumat asas dan peranan masyarakat umum dalam menyokong perlaksanaan Wawasan Brunei 2035. Usaha ini adalah bagi memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam boleh menjiwai Wawasan Brunei 2035 dengan melahirkan rasa tanggungjawab bagi sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei.



ANTARA Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Temburong yang hadir pada sesi Pembarigaan Wawasan Brunei 2035 yang berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar.

Pelawaan beri komen Draf Piawaian Brunei Darussalam hingga 12 Julai

Siaran Akhbar :

Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Satu standard telah dimajukan, iaitu Crackers dari Marine and Freshwater Fish, Crustacean and Molluscan Shellfish.

Standard ini menetapkan syarat-syarat untuk keropok (keropok kering) yang disediakan dari laut dan ikan air tawar, krustasia serta kerang-kerangan Molluscan.

Ini tidak termasuk bagi keropok goreng (keropok masak) yang tersedia untuk dimakan serta ikan buatan berperisa, udang dan keropok kerang Molluscan.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) tersebut, tempoh komen orang ramai adalah selama tiga bulan yang dibenarkan bagi mengemukakan komen mengenai draf atau Piawaian Brunei Darussalam (PBD) sedia ada dengan pihak dan / atau sektor berminat (untuk menamakan contoh beberapa makanan, elektrik, pembinaan, kesihatan dan automotif, pelancongan).

Semua pandangan dan komen akan dibincangkan oleh jawatankuasa berkaitan dan penggubalan lanjut

akan dibuat, jika perlu.

Draf PBD boleh diperoleh, dikomen serta dihantar secara dalam talian melalui www.ei.gov.bn/pbd dan tarikh akhir menghantar pada 12 Julai 2017.

PBD adalah dokumen piawaian kebangsaan, bertujuan untuk memberi panduan kebangsaan dalam bidang seperti reka bentuk, penggunaan atau prestasi bahan, produk, proses, perkhidmatan dan sistem.

PBD berdasarkan pada sistem terbuka, selaras dengan kehendak Pertubuhan Perdagangan Dunia.

Sebelum mana-mana piawaian diperkenalkan dan dikaji semula, dokumen-dokumen akan melalui proses perundingan. Peringkat penting dalam pembangunan PBD adalah tempoh komen orang ramai.

Tempoh berkenna memberi jaminan bahawa industri, syarikat dan pihak berkepentingan yang lain mengetahui sebarang perubahan masa depan PBD dan menyediakan mereka serta orang ramai secara umum dengan peluang untuk mengulas, mempengaruhi sesuatu yang khusus dan unsur-unsur piawaian dokumen sebelum disiarkan oleh Jawatankuasa

Kebangsaan Piawaian.

Ini memastikan bahawa semua pandangan dipertimbangkan dan memberi peluang kepada orang ramai dari pelbagai sektor serta industri untuk mempengaruhi kandungan piawaian juga memberi orang ramai peluang untuk membiasakan diri dengan kandungan piawaian sebelum diterbitkan dan membawa kelebihan daya saing.

PBD terdiri dari pelbagai jawatankuasa teknikal termasuk makanan, elektrik, pembinaan, kesihatan dan automotif.

Pos Pihawan Kebangsaan merupakan unit di bawah EIDPMO, berperanan untuk memudahkan dan mengawal selia dalam bidang piawaian dan penetapan.

Selain dari memastikan piawaian di negara ini selaras dengan keperluan antarabangsa, pos juga memberi panduan dan maklumat kepada usahawan mengenai kepentingan untuk mempunyai sijil yang betul (piawaian kualiti dan produk).

Untuk maklumat lanjut mengenai PBD dan cara untuk memberi komen, orang ramai boleh menghubungi Pos Pihawan Kebangsaan secara langsung melalui e-mel di standarddevelopment.ei@jpm.gov.bn atau menghubungi melalui talian +673 2334192.

Peralihan pelantar SKD Pelaut 13 - 19 April

Siaran Akhbar : Jabatan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 April. - Pelaut-pelaut adalah diingatkan bahawa Kerja-kerja Peralihan Pelantar SKD Pelaut akan dilaksanakan dari padang minyak Bugan (BUDP-01) ke padang minyak EGRET (EGDP-01), perairan negara, di sini, pada 13 hingga 19 April ini.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Laut, ia akan menyebabkan pembatasan pada keselamatan pelayaran.

Bagi isyarat amaran, disediakan lampu standard dan simbol 'kemampuan yang terhad untuk bergerak' serta amaran navigasi radio yang akan disiarkan pada setiap masa di sepanjang operasi menunda dijalankan.

Lain-lain keperluan adalah Pelantar SKD Pelaut akan ditunda oleh kapal yang berkenaan mengikut haluan lurus yang ditentukan dan tidak akan mampu untuk bergerak dengan cepat untuk mengelak kapal lain.

Mana-mana kapal ataupun bot adalah dikehendaki untuk menjauhkan diri, iaitu dua batu nautika dari kawasan operasi tersebut.

Dalam pada itu, pihak Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad akan sentiasa memantau perjalanan operasi tersebut.

Bagi sebarang penjelasan atau pertanyaan, sila hubungi SMR Marine Helpdesk, Brunei Shell Petroleum Co. Sdn. Bhd., Seria, KB3354 atau melalui talian +673 3374997 atau +673 8730154 ataupun e-mel ke marine-helpdesk@shell.com.

Bincang format Persembahan Khas Hari Keputeraan



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud (dua, kiri) mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 bagi Daerah Temburong bagi Tahun 2017.

TEMBURONG, Isnin, 10 April. - Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 bagi Daerah Temburong bagi Tahun 2017, antara lain membincangkan

Berita dan Foto :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

persediaan acara-acara rasmi sempena sambutan perayaan tersebut.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud, berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Antara agenda mesyuarat ialah meneliti dan mensahkan kunci kira-kira Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-70 Tahun 2016 bagi Daerah Temburong.

Di samping itu, mesyuarat turut melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Pengurus-Pengurus Bahagian serta Pengurus-Pengurus Acara sempena

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-71 Tahun 2017 bagi Daerah Temburong serta membincangkan format Persembahan Khas dan mendengarkan laporan ringkas daripada Pengurus-Pengurus Bahagian serta hal-hal lain yang berbangkit.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Ketua-Ketua Cawangan Daerah Temburong, Penghulu-Penghulu Mukim, Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi serta Pengurus-Pengurus Bahagian sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-70 Tahun bagi tahun lalu.

Persamaan budaya dan bahasa, KUIPSAS pilih KUPU SB

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 April. - Ke arah usaha mengukuhkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerima lawatan rombongan dari Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

Antara objektif lawatan adalah bagi mengenal pasti peluang kerjasama antara kedua universiti selain mengeratkan hubungan silaturahim di antara pihak KUPU SB dengan KUIPSAS dan mengetahui lebih lanjut berkenaan program-program baharu yang ditawarkan oleh KUPU SB.

Rombongan KUIPSAS seramai lima orang itu diketuai oleh Rektor KUIPSAS, Dato' Haji Yahya bin Zainal Abidin terdiri daripada Timbalan Rektor Akademik dan Antarabangsa, Dr. Mohd. Zawawi bin Zainal Abidin; Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi, Encik Rosli bin Omar; Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Dr. Sharafuddin Aisa bin Haji Osman; dan Dekan pascasiswazah, Ustaz Mohamad Effat bin Haji Mokhtar.

Semasa lawatan tersebut, rombongan KUIPSAS dialu-alukan oleh Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar yang juga menyampaikan ucapan alu-aluannya dan memberi sedikit penerangan ringkas mengenai KUPU SB kepada ahli rombongan dari Malaysia itu.

Dalam temu bual bersama Dato' Haji Yahya, beliau menjelaskan bahawa kunjungan lawatan ke KUPU SB adalah bagi mempelajari dan mendalami bidang pendidikan



PEMANGKU Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar mengalu-alukan rombongan dari Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) yang diketuai oleh Rektor KUIPSAS, Dato' Haji Yahya bin Zainal Abidin.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana binti Haji Othman

Islam serta meraih beberapa aspek yang dilaksanakan oleh KUPU SB umpamanya dalam Program Ijazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Pihak KUIPSAS tambahnya, juga berharap untuk membawa pelajar-pelajarnya merasai kehidupan di Kampus KUPU SB juga universiti lain di Brunei kerana beliau

percaya keadaan yang kondusif ini dan juga semangat keislaman yang tinggi boleh membawa manfaat besar kepada para pelajar di KUIPSAS.

Menurutnya, antara bidang-bidang yang boleh diteroka bersama ialah bidang yang boleh meningkatkan kepimpinan pelajar dan meningkatkan syiar Islam di kalangan anak muda kedua-dua

universiti.

Dato' Haji Yahya turut menjelaskan mengapa KUIPSAS memilih KUPU SB adalah kerana adanya persamaan dari segi budaya dan bahasa yang memudahkan kedua-dua pihak untuk berinteraksi dan bekerjasama.

REKTOR KUIPSAS, Dato' Haji Yahya bin Zainal Abidin semasa ditemu bual oleh media tempatan.





IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 31/04/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 12 APRIL 2017

TARIKH TUTUP: 26 APRIL 2017

1. PEMERIKSA TANAH
D.1-2-3 EB.4-5
BAHAGIAN IV
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KEKOSONGAN: 4

2. TUKANG KEBUN
F.1-2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN: 11

UNTUK MENGELOMONG

Kami Pengurusan Alam Sekitar & Solid Waste Management Service
Sarawak
Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai jawatan kosong
silakan menghubungi:

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / PPS (A) / 2017 - 2018

KETERANGAN :
PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN ZON 'A'

1. SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH
PEREMPUAN RAJA ISTERI
PG. ANAK DAMIT

2. SEKOLAH PERSEDIAAN ARAB
BANDAR SERI BEGAWAN

3. SEKOLAH UGAMA
PG. ANAK PUTERI MASNA

4. SEKOLAH MENENGAH ARAB
LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH

2. BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / PPS (B) / 2017 - 2018

KETERANGAN :
PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN ZON 'B'

1. SEKOLAH UGAMA MADEWA

2. SEKOLAH UGAMA
PG. MUDA ABD. MALIK, BENGKURONG

3. SEKOLAH UGAMA PG. ANAK PUTERI
MAJEEDAH NURUL BOLKIAH, KILANAS

4. SEKOLAH UGAMA LUMAPAS

5. SEKOLAH UGAMA PUTAT

6. SEKOLAH UGAMA KASAT

SYARAT-SYARAT, PANDUAN
DAN MAKLUMAT :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat SURAT KEBENARAN untuk bermiaga dari JABATAN PERDANA MENTERI.

3. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 serta CAP SYARIKAT semasa mengambil borang sebut harga.

4. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di :

Bahagian Kewangan
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan, BA1311
Negara Brunei Darussalam.

5. Tarikh akhir mengambil borang sebut harga : Isnin, 20 Rejab 1438H / 17 April 2017M, tidak lewat jam 4.00 Petang.

6. Tarikh tutup menghantar borang sebut harga : Rabu, 22 Rejab 1438H / 19 April 2017M, tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

TAWARAN : JPH / S / TAWARAN / 330

TAJUK :
MEMELIHARA 'CANOPY WALKWAY'
DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG

DIBUKAKAN kepada penender-penender yang berdaftar dalam Kelas III ke atas dalam Sub-Kategori B01, P01 dan P05 sahaja.

TAWARAN : JPH / S / TAWARAN / 331

TAJUK :
KONTRAK PEMBUANGAN SAMPAH
DI TAMAN REKREASI HUTAN BERAKAS
DAN TAMAN REKREASI HUTAN BUKIT SHAHBANDAR

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di bawah Sub-Kategori S01 Pengurusan Alamsekitar & Kutipan Sisa Pepejal / Enviroment & Solid Waste Management Service dan berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Sahaja.

TAWARAN : JPH / S / TAWARAN / 332

TAJUK :
MEMELIHARA JAMBATAN GANTUNG KERUING
DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar dalam Kelas III ke atas dalam Sub-Kategori KA01 sahaja.

Ditutup pada :
Selasa, 2 Mei 2017
Jam : 2.00 Petang

Di Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat bawah
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat dan dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperoleh di :

Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak BND50.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

Semua penender mesti menghadiri Sesi Taklimat serta lawatan ke tapak projek yang akan diadakan pada :

TAWARAN : JPH / S / TAWARAN / 330
MEMELIHARA 'CANOPY WALKWAY'
DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG
Pada : 19 April 2017 (Rabu)
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Taman Negara Ulu Temburong

TAWARAN : JPH / S / TAWARAN / 332
MEMELIHARA JAMBATAN GANTUNG KERUING
DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG
Pada : 22 April 2017 (Rabu)
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Taman Negara Ulu Temburong.


**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
**IKLAN
JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
**TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN
TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN
PERTANIAN KOMERSIAL
DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN
(KKP) BILANGAN : 01 / 2017**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di tapak-tapak pertanian seperti berikut :

TAPAK PERTANIAN :

1) Lot 70, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Betumpu, Kampung Masin, Daerah Brunei dan Muara

(perusahaan pertanian menggunakan kaedah sains, teknologi dan kejuruteraan pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan hasil ladang i.e Sistem Fertigasi, Hidroponik, Vertical Farming dan LED)

2) Lot 86, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Betumpu, Kampung Masin, Daerah Brunei dan Muara

(perusahaan pertanian menggunakan kaedah sains, teknologi dan kejuruteraan pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan hasil ladang i.e Sistem Fertigasi, Hidroponik, Vertical Farming dan LED)

Borang-borang permohonan boleh didapati dengan harga **BND1.00** satu dari

Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510 mulai 17 hingga **29 APRIL 2017** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selewat-lewatnya **8 Mei 2017** sebelum 3.00 Petang.

Waktu Penjualan
Borang Permohonan Tapak

Isnin hingga Khamsis

8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi

1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon ke :

**UNIT KAWASAN KEMAJUAN
PERTANIAN**
**IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
JALAN MUHIBBAH, LAPANGAN
TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
Pegawai Projek :

Bil. 1

Awang Mat Rusli bin Haji Abu Bakar

Telefon : +673 2470400 / +673 8688318

Bil. 2

Dayang Maslinda binti Ahmad

Telefon : +673 2660042 / +673 8219162

Dayang Iyzan Munirah Ramziyah
binti Haji Nasir

Telefon : +673 2660042 / +673 8690896

Bil. 3

Awang Muhammad Fahmi

bin Haji Masri

Telefon : +673 2388060


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/04/BKT/2017-T/II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PENGAWALAN CERUN
BERDEKATAN PAILON ELEKTRIK
DI LOT 2777 KG BIRAU, MUKIM
LAMUNIN, TUTONG - TOWER NO. 18
NO. PROJEK :
(494/16)JKR/BKT-KB/TUT1189
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/05/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR BERDEKATAN PAILON
ELEKTRIK, KAMPUNG JERUDONG
(KAWASAN KAMPUNG TAGAP
- OFF NEW JERUDONG
- TUNGKU LINK ROAD - TOWER #7
NO. PROJEK :
(497/16)JKR/BKT-KB/TUT1189
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

25 April 2017 (Selasa)
TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/06/BKT/2017-T/II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON ELEKTRIK,
KAMPUNG KELUGOS
(OPPOSITE TELBRU TOWER) NO. 8
NO. PROJEK :
(498/16)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/07/BKT/2017-T/II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON ELEKTRIK
SPG. 715, KAMPUNG JANGSAK,
TOWER NO. 16
NO. PROJEK :
(501/16)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II, III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/08/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON TOWER
NO. 21, KAMPUNG JERUDONG
(BERDEKATAN SM SAIDINA HUSSIN)
NO. PROJEK :

(500/16)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II, III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/09/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON ELEKTRIK
TOWER NO. 44, SIMPANG 356
KAMPUNG KAPOK KIRI
NO. PROJEK :
(496/16)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/10/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON TOWER
NO. 2, SPG. 970, KG. TANAH JAMBU
NO. PROJEK :
(473/15)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)

tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/11/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON TOWER
NO. 22, SPG. 592
KG. KUPANG, TUTONG

NO. PROJEK :
(469/16)JKR/BKT-KB/TUT1189
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III, IV & V SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/12/BKT/2017-T/IV
NAMA PROJEK :

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR KABEL ELEKTRIK KG.
PANCHOR DI JALAN UTAMA MENTIRI
MENUJU PUSING KELILING MENTIRI
NO. PROJEK : (499/16)JKR/BKT-KB1189
YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
25 April 2017 (Selasa)

TARIKH TUTUP : 2 Mei 2017 (Selasa)
tidak lewat dari jam 2.00 Petang

BIL. TAWARAN :
JKR/DTS/13/BKT/2017-T/III
NAMA PROJEK :

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
TANAH SUSUR DI PAILON TOWER
NO. 43, KAMPUNG KAPOK
NO. PROJEK :
(04/16)JKR/BKT-KB/BM1189
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -

SYARAT-SYARAT tawaran dan dokument
dokumen tawaran bolehlah dilihat dan
diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja
Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei
Darussalam.



JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

MAKLUMAN

'SENARAI PEMILIK BUNGKUSAN YANG BELUM DITUNTUT'

JABATAN PERKHIDMATAN POS, Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada orang ramai mengenai "SENARAI PEMILIK BUNGKUSAN YANG BELUM DITUNTUT" DI PEJABAT POS PUSAT MEMPROSES MEL (MPC).

Keterangan lebih lanjut mengenai senarai tersebut boleh datang ke **Pejabat Pos Pusat Memproses Mel (MPC), Lapangan Terbang Terbang Lama Berakas semasa waktu bekerja.**

Menurut pihak Jabatan Perkhidmatan Pos, barang yang tidak dituntut selepas **31 Mei 2017**, pihak jabatan akan membuat tindakan mengikut prosidur yang telah ditetapkan.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN : (01) JBS / ADM / UP / 2017

Peti Sebut Harga

Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.

(14) JBS / ADM / QC / 2015

SEBUT HARGA BAGI

FABRICATE CANVAS FOR ATHLETIC POLE VAULT LANDING MAT
AT PADANG DAN BELAPAN, KSNHB.

YURAN TAWARAN : BND5.00

(15) JBS/ADM/QC/2015

SEBUT HARGA BAGI

'ISOLATION TRANSFORMER 1500VA 6A, 220-240 VOLT'

YURAN TAWARAN : BND5.00

Tarikh Tutup :

26 April 2017 / 29 Rejab 1438

Jam : tidak lewat jam 2.00 Petang

Cagaran : Seperti yang dinyatakan pada keterangan sebut harga -

Bagi setiap satu dokumen
(tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam.

Waktu Menerima Bayaran

Isnin hingga Khamis

8.30 Paggi hingga 11.30 Paggi

Sabtu

8.30 Paggi hingga 10.30 Paggi



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH UGAMA JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

RUJUKAN TAWARAN

BIL. 1 KHEU / JPI / BBP3 / K / 50 / 14

SEKOLAH UGAMA ARAB

SEKOLAH UGAMA KUPANG, DAERAH TUTONG

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :

BORANG tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan ke :

Tarikh tutup mengambil borang : **21 Rejab 1438H / 18 April 2017M (Selasa)**

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan ke :

PETI SEBUT HARGA

BAHAGIAN KEWANGAN

TINGKAT 1

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JALAN MENTERI BESAR

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh akhir menghantar : 22 Rejab 1438H / 19 April 2017M (Rabu)

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga :

Isnin hingga Khamis

8.30 Paggi hingga 11.30 Paggi

2.00 Petang hingga 3.30 Petang

Sabtu

8.30 Paggi hingga 11.30 Paggi

Borang-borang tawaran sebut harga boleh diperoleh di **Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Blok 21, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAJUK :

TAWARAN PENYEWAAN BANGUNAN CAFE 1

DERMAGA DIRAJA BANDAR SERI BEGAWAN

BILANGAN TAWARAN : JBBSB / LTK / 2017 / 05 / UPA

TARIKH TUTUP TAWARAN :

Selasa, 25 April 2017

Jam 2.00 Petang

BAYARAN menyertai tawaran ini ialah **BND100.00** bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :

Kaunter Bahagian Kewangan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BA1512
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat dan dokumen sebut harga bolehlah didapati dari **Unit Pengurusan Aset, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan** semasa waktu pejabat dibuka.

Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang terdapat di **Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan.**

KEMASKINI BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (KBPP) 2016

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)

Jabatan Perdana Menteri



OBJEKTIF UTAMA

Untuk mengemaskini bilangan dan maklumat **PENDUDUK** dan **PERUMAHAN** yang telah diperolehi semasa Banci Penduduk dan Perumahan.

LIPUTAN

SEMUA Rakyat Brunei, Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara, termasuk Pekerja Asing di seluruh negara.

Keengganan untuk bekerjasama adalah menjadi satu kesalahan mengikut Akta Banci Penggal 78 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

SUDAHKAH AWDA & KELUARGA TERMASUK DALAM HITUNGAN KBPP 2016?



Jika rumah awda belum dikunjungi oleh Pegawai Banci atau Borangtanya awda belum dikutip semula

SILA HUBUNGI JPKE:

📞 2230250 / 2230265 (waktu pejabat)
✉️ population.census@jpke.gov.bn

Borangtanya dan maklumat lanjut dapat diperolehi di laman sesawang:

www.depdp.gov.bn

KERJASAMA AWDA AMAT PENTING BAGI MEMASTIKAN HITUNGAN BANCI YANG TEPAT



OBJEKTIF KSPN

- 1) MENGEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON SKIM PERUMAHAN NEGARA TERMASUKLAH MAKLUMAT PENDAPATAN & PEKERJAAN
- 2) MEMBERIKAN TANDA ARAS BARU BAGI KEGUNAAN PENILAIAN, PERANCANGAN & PEMBENTUKAN DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN, DAN PELBAGAI TUJUAN PENGANALISAAN & PENYELIDIKAN PADA MASA AKAN DATANG

جائزه كمال جوان فتوه
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

KERJASAMA AWDA MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BETUL DAN TEPAT ADALAH SANGAT PENTING BAGI MENJAYAKAN KSPN 2017.

KEGAGALAN AWDA MENGHANTAR BORANG KSPN PADA TEMPOH YANG DITETAPKAN AKAN MENJEJASKAN PROSES PERMOHONAN MASING-MASING.

KUMPULAN SASARAN KSPN	
PEMOHON	RPN / STKRJ BAGI
TAHUN 2009-2015	SELURUH NEGARA

TEMPOH PERLAKSANAAN KSPN																																																																																					
APRIL 2017	JUN 2017																																																																																				
<table border="1"> <tr><td>MON</td><td>TUE</td><td>WED</td><td>THU</td><td>FRI</td><td>SAT</td><td>SUN</td></tr> <tr><td>1</td><td>2</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td><td>8</td><td>9</td></tr> <tr><td>10</td><td>11</td><td>12</td><td>13</td><td>14</td><td>15</td><td>16</td></tr> <tr><td>17</td><td>18</td><td>19</td><td>20</td><td>21</td><td>22</td><td>23</td></tr> <tr><td>24</td><td>25</td><td>26</td><td>27</td><td>28</td><td>29</td><td>30</td></tr> </table>	MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT	SUN	1	2						3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	<table border="1"> <tr><td>MON</td><td>TUE</td><td>WED</td><td>THU</td><td>FRI</td><td>SAT</td><td>SUN</td></tr> <tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td><td>6</td><td>7</td></tr> <tr><td>8</td><td>9</td><td>10</td><td>11</td><td>12</td><td>13</td><td>14</td></tr> <tr><td>15</td><td>16</td><td>17</td><td>18</td><td>19</td><td>20</td><td>21</td></tr> <tr><td>22</td><td>23</td><td>24</td><td>25</td><td>26</td><td>27</td><td>28</td></tr> <tr><td>29</td><td>30</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>	MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT	SUN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30					
MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT	SUN																																																																															
1	2																																																																																				
3	4	5	6	7	8	9																																																																															
10	11	12	13	14	15	16																																																																															
17	18	19	20	21	22	23																																																																															
24	25	26	27	28	29	30																																																																															
MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT	SUN																																																																															
1	2	3	4	5	6	7																																																																															
8	9	10	11	12	13	14																																																																															
15	16	17	18	19	20	21																																																																															
22	23	24	25	26	27	28																																																																															
29	30																																																																																				

10 APRIL 2017 sehingga 10 JUN 2017

KAUNTER
DIBUKAKAN 8.00 PAGI - 4.30 PETANG (SETIAP HARI KECUALI HARI JUMAAT, AHAD & KELEPASAN AWAM)

PROSES PERLAKSANAAN KSPN

1 SEMAK NAMA

- PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
- LAMAN SESAWANG www.housing.gov.bn

2 DAPATKAN BORANG

- PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
- MUAT TURUN BORANG DARI LAMAN SESAWANG www.housing.gov.bn

3 ISI BORANG

PEMOHON HENDAKLAH **MELENGKAPKAN** BORANG KSPN DENGAN MAKLUMAT YANG **BENAR DAN TEPAT**

4 HANTAR BORANG

- PADA 7 LOKASI YANG DISEDIAKAN, atau
- IMBAS BORANG DAN EMEL KE kspn@hdd.gov.bn

7 LOKASI KSPN

1. DEWAN MUWAFAQAH, TINGKAT 1,
IBU PEJABAT JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS



2. LOBI TINGKAT 1,
BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS



3. LOBI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS



4. IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN AIR,
JALAN TASEK LAMA,
(KAUNTER PEMBAYARAN AIR)



5. JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,
CAWANGAN BELAIT,
Simpang 363-29, Jalan Pandari 7, Kuala Belait



6. JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,
CAWANGAN TUTONG
Simpang 13, Jalan Bukit Binchaloj,
RPN Bukit Beruang, Tutong



7. JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,
CAWANGAN TEMBURONG,
Simpang 661-150, RPN Rataie, Temburong

Lawatan kerja Pesuruhjaya PDB ke Daerah Polis Temburong



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam ketika memeriksa perbarisan.

TEMBURONG, Selasa, 11 April. - Daerah Polis Temburong telah menerima kunjungan pertama Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei

(PDB) berserta rombongan dari Ibu Pejabat Polis dalam siri lawatan kerja Pesuruhjaya Polis ke Daerah-Daerah Polis, yang berlangsung di Daerah

Polis Temburong, di sini.

Sejurus ketibaan Pesuruhjaya PDB, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam di

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

Daerah Polis Temburong, Perbarisan Pesuruhjaya Polis telah dimulakan dan diketuai oleh Pegawai Siasatan Jenayah dan Lalulintas, Daerah Polis Temburong, Penolong Pengguna Polis Percubaan, Pengiran Haji Md. Saiful Ariff bin Pengiran Haji Duraman.

Setelah itu, taklimat kemudian disampaikan oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Pengguna Polis Awang Matusin bin Haji Jumat antaranya mengenai penugasan kepolisan mengikut struktur yang telah diatur oleh Ibu Pejabat Polis dengan perincian setiap keanggotaan, aset-aset, strategi-strategi pencegahan dan pembenterasan jenayah serta keupayaan dalam menangani satu-satu situasi yang boleh mengancam keselamatan penduduk daerah-daerah.

Taklimat juga menerangkan mengenai kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang serta Pengawasan Kejiranan di daerah dan cabaran-cabaran yang dihadapi pada masa kini dan akan datang.

Matlamat lawatan adalah bagi mengetahui keupayaan khidmat

kepolisan di Daerah Polis, mengenalpasti cabaran-cabaran serta isu-isu yang dihadapi oleh Daerah Polis, mengkaji semula aset yang ada serta aset yang akan diperlukan serta meninjau kebijakan pegawai-pegawai dan anggota-anggota di Daerah Polis.

Perkara-perkara yang disampaikan kepada peringkat atasan secara bersemuka akan lebih *transparent* tanpa ada *red tape* dan pihak atasan dapat merespon secara spontan berdasarkan pada dasar-dasar dan peraturan-paraturan Pasukan yang ada pada masa ini. Manakala, pegawai-pegawai dan anggota-anggota pangkat rendah dapat menyampaikan aspirasi dan ekspektasi pada peringkat ibu pejabat secara lebih telus dan terbuka.

Lawatan kerja tersebut diakhiri dengan lawatan di sekitar Daerah Polis Temburong dan Balai Polis Bangar serta ke Pos Polis Mukim dan Pos Kawalan Polis di bawah jagaan Daerah Polis Temburong, yang mana ia berfungsi untuk memberikan khidmat kepolisan dan memberi bantuan kepada masyarakat di Daerah Temburong.

Guru berperanan beri ilmu dan kemahiran



PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor ketika menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada seorang pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Mukim Kilanas.

KILANAS, Isnin, 10 April. - Guru yang bijaksana dapat dilihat sebagai seorang yang mampu membantu pelajar untuk menjadi generasi yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dalam segenap bidang dunia dan ukhrawi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor

semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dan Penghargaan Guru dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE, Hari Graduan Program PEARSON BTEC Kohot 5 dan Program Pra Vokasional Tahun 2016, di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Mukim Kilanas, di sini.

Awang Haji Ali Yusri juga

menerangkan, guru berperanan penting dalam memberi ilmu dan kemahiran yang relevan bagi membolehkan mereka melakukan pelbagai aspek kehidupan seperti alam pekerjaan berdasarkan teknologi dalam dunia yang berbeza dan luas.

Untuk mencapai hasrat tersebut jelasnya, pendekatan seluruh negara (*whole-nation approach*) dan kerjasama yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan adalah

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Muhd. Huzmi Lawi
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PARA pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Hasan yang cemerlang dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE, Hari Graduan Program PEARSON BTEC Kohot 5 dan Program Pra Vokasional Tahun 2016 hadir menerima anugerah pada majlis tersebut.

sangat diperlukan, selain pembabitan para ibu bapa dalam pembelajaran pelajar melalui aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru.

Seramai 53 pelajar menerima Anugerah Penuntut Cemerlang yang mendapat 7 hingga 9 kredit dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE; 58 pelajar pula telah menerima Anugerah Penuntut Cemerlang yang mendapat 5 hingga 8 kredit dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE yang mengikuti Program-program Akademik; dan Anugerah Penuntut yang mendapat A+ dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE diberikan kepada Geraldine Ting, Tan Wan Sing dan Dayang Siti Rafidah binti Haji Ayob.

Manakala seramai 12 pelajar telah mendapat Anugerah Penuntut Cemerlang yang mendapat 5 hingga 6

kredit dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE; seramai 21 pelajar pula telah menerima sijil bagi Program PEARSON BTEC Kohot 5 dan enam Graduan Program Pra Vokasional.

Sementara itu, seramai 20 guru telah menerima Anugerah Penghargaan kepada Guru-guru dan Jabatan yang mencapai sasaran dalam Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE 2016.

Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE 2016 pula diberikan kepada Geraldine Ting, Tan Wan Sing dan Dayang Siti Rafidah binti Haji Ayob.

Pada majlis itu, penyampaian sijil dan anugerah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Jerayawara kerjaya dan promosi kesihatan ABDB



PEMANGKU Komandan Khidmat Bantuan Kombat Kolonel (Dr.) Hafizul bin Awang Hassan (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad (kanan) sempena dengan Jerayawara Kerjaya dan Promosi Kesihatan ABDB di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB).



PEMANGKU Komandan Khidmat Bantuan Kombat Kolonel (Dr.) Hafizul bin Awang Hassan dan Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad semasa menyaksikan pameran kerjaya di SMSAB.

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi

LAMBAK KANAN, Selasa, 11 April. - Dalam menggalakkan pelajar-pelajar untuk menceburi kerjaya dalam bidang tentera satu jerayawara kerjaya dan promosi kesihatan telah berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB), di sini.

Jerayawara itu merupakan usaha sama di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-56 dengan tema "Meningkatkan Kualiti Hidup Melalui Gaya Hidup Sihat". Sepanjang jerayawara tersebut para pelajar berpeluang untuk menyaksikan

pameran kerjaya serta mengikuti taklimat dari unit-unit dalam ABDB yang memberikan maklumat tentang bermacam jenis bidang tentera yang ditawarkan, di samping mewujudkan kesedaran hidup gaya hidup sihat dalam kalangan generasi-generasi baharu.

Taklimat-taklimat berkenaan disampaikan oleh wakil-wakil dari Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei, Khidmat Perubatan ABDB dan Pejabat Pengambilan ABDB yang mengambil tempat di perpustakaan SMSAB.

Terdahulu, Jerayawara Kerjaya dan

Promosi Kesihatan telah dirasmikan oleh tetamu kehormat bersama, Pemangku Komandan Khidmat Bantuan Kombat Kolonel (Dr.) Hafizul bin Awang Hassan dan Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Kementerian Pendidikan, Awang Nudin bin Haji Mohammad.

Hadir sama ialah pegawai-pegawai kanan ABDB, para pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah dan SMSAB.

Antara sekolah-sekolah yang turut diundang disepanjang jerayawara yang diadakan selama dua hari itu ialah SMSAB, SM Rimba, SM Rimba II, SM Lambak Kiri, Maktab Sains Seri Paduka Begawan Sultan, SM Sultan Sharif Ali, SM Berakas, SM Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah St. Andrew.



SEBAHAGIAN daripada pelajar-pelajar yang hadir mendengarkan taklimat kerjaya ABDB.

Kursus Keusahawanan YSHHB tingkat keupayaan ibu tunggal



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 April. - Dalam usaha berterusan bagi memeduli kesejahteraan ibu-ibu tunggal di negara ini, pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sedang mengadakan Kursus Keusahawanan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4,

PENOLONG Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa berucap semasa Kursus Keusahawanan bagi Ibu-Ibu Tunggal.

Kompleks YSHHB, di sini.

Kursus selama tiga hari yang dihadiri oleh seramai 27 orang peserta itu merupakan fasa kedua bagi Program Meningkatkan Keupayaan Ibu-Ibu Tunggal, yang mana sebelum ini telah mengadakan Bengkel Transformasi Diri – 'Impian Menjadi Nyata' yang bertujuan untuk memberikan motivasi dan menyuntik semangat serta meningkatkan tahap keyakinan diri para peserta.

Sepanjang kursus para peserta

didedahkan pada sektor perniagaan dan perusahaan yang bersesuaian dengan kemampuan peserta yang dikendalikan oleh AFDAL Training and Consultancy di bawah bimbingan Dr. Sakinah Salleh seorang pakar dari Malaysia.

Di samping itu kursus tersebut juga diharap akan mampu menghasilkan pendapatan dan sekali gus meningkatkan sara hidup diri peserta dan keluarga.

Terdahulu, Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Hajah

Donaliza binti Abdullah Puasa semasa berucap pada majlis tersebut, antara lain berkata, program ibu tunggal tersebut akan dijalankan secara berfasa dan mengandungi program-program kemahiran dan pembangunan kapasiti seperti kursus masakan, jahitan, kecantikan dan lain-lain bidang mengikut kecenderungan peserta sendiri dan dilaksanakan dengan kerjasama Pendidikan Lanjutan, Institut Pendidikan Teknikal, IBTE serta agensi-agensi berkaitan.



PENOLONG Pengarah Urusan YSHHB, Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa semasa sesi bergambar ramai pada Kursus Keusahawanan bagi Ibu-Ibu Tunggal.



SEBAHAGIAN daripada para peserta kursus.

Sukan wujudkan masyarakat sihat

Rencana : Muhd. Nazih Haji Zaini,
penempatan mahasiswa dari
Universiti Brunei Darussalam
di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

SUKAN memainkan peranan penting dan menjadi wadah untuk mewujudkan masyarakat sihat, cergas, berdisiplin dan yang paling utama ialah sukan dapat memupuk dan mengeratkan tali silaturahim serta semangat perpaduan yang kental dalam kalangan para peserta, pengendali-pengendali juga anggota masyarakat di sekelilingnya selain dari menjadikannya aktiviti untuk mengisi masa lapang yang bermanfaat.

Selain untuk kesihatan, sukan juga boleh mengangkat nama negara ke persada antarabangsa, iaitu menerusi penyertaan dalam acara sukan berprestij seperti Sukan Olimpik, Sukan SEA dan sebagainya. Oleh itu, Negara memerlukan para atlet yang berkebolehan dalam pelbagai jenis sukan dan sekali gus dapat mewakili negara mengikuti perlawanan atau pertandingan yang dianjurkan di dalam maupun di luar Negara. Dengan penyertaan atlet negara dapat membuktikan bahawa Rakyat Negara Brunei Darussalam selain dari kaya dengan budaya, mereka juga aktif dalam

bidang sukan

SUKAN KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (SKBD)

Antara program yang diungkayahkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dalam usahanya untuk meningkatkan mutu sukan di Negara Brunei Darussalam ialah Pesta Sukan Kebangsaan atau sekarang dikenali sebagai Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (SKBD). SKBD merupakan kejohanan sukan tahap tinggi di peringkat kebangsaan.

Program tersebut telah giat diadakan sejak tahun 80-an dan telah berjaya menggerakkan kegiatan sukan tanah air dan mampu menjadi acara kebangsaan yang sekali gus dapat mengaktifkan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan di negara ini. Ia berperanan dalam merangka dan mengatur program-program sukan dan telah berjaya melahirkan bakat-bakat sukan yang berpotensi serta menonjolkan pemimpin-pemimpin sukan yang komited.

SKBD juga merupakan platform untuk melahirkan atlet-atlet kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan untuk mengenal pasti bakat-bakat yang berpotensi untuk diberikan bimbingan dan latihan secara bersistematis serta berterusan sebelum diketengahahkan untuk mewakili negara dalam kejohanan kejohanan sukan pada peringkat serantau maupun antarabangsa selain menjadi puncak pertarungan sukan kepada atlet-atlet yang bakal beraksi di arena serantau dan antarabangsa.

Mengimbang SKBD 2017 yang telah menutup tirainya pada 29 Mac 2017 betempat di Kompleks Sukan, Tutong, memperlihatkan perjuangan kontingen-kontingen tempatan maupun dari negara jiran bersaing di antara satu dengan lain untuk meraih kemenangan dan sekali gus bukan sahaja mengharumkan nama negara atau daerah yang diwakili bahkan juga mengangkat nama



SUKAN boleh mengangkat nama negara ke persada antarabangsa iaitu menerusi penyertaan dalam acara sukan berprestij.

masing-masing di persada sukan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama dua orang atlet negara yang telah dianugerahkan sebagai olahragawan dan olahragawati terbaik, iaitu Awang Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid mewakil Institut Pengajian Tinggi dan Dayang Alinawati binti Ali Akhbar dari Majlis Sukan Polis Diraja Brunei. Kedua-dua mereka bersetuju bahawa sukan tidak mengira umur atau pangkat, tetapi ia lebih pada semangat dan kegairahan dalam memperjuangkan tenaga serta masa pada bidang sukan yang diminati walaupun pada waktu yang sama di bahu mereka juga memikul tanggungjawab yang besar dalam bidang akademik, pekerjaan dan komitmen kepada keluarga. Untuk mencapai kejayaan, disiplin dan pengurusan masa yang bijak amat penting bagi pencinta sukan, jelas mereka.

SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN (SPKS)

Skim Ganjaran Kemenangan adalah terkandung di dalam Dasar Sukan Negara yang untuk memberikan galakan kepada para atlet mencapai satu-satu tahap kejayaan dalam menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi di sukan serantau dan antarabangsa, di samping menyampaikan ganjaran berupa wang tunai kepada para atlet yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan masing-masing pada peringkat serantau dan antarabangsa. Skim ini juga diberikan kepada jurulatih-jurulatih sukan kerana sumbangan mereka dalam mempertingkatkan kemajuan dalam latihan.

KE ARAH MEWUJUDKAN WARGA SIHAT

Menariknya, sukan di negara ini bukan lagi setakat program-program yang bersifat kebangsaan sahaja, malah kini telah meresap ke jiwa anak-anak tempatan untuk mengikuti pelbagai jenis aktiviti santai seperti 'Bandarku Ceria' yang diadakan pada setiap Ahad. Ini jelas membuktikan bahawa sukan bukan lagi tertumpu untuk pertandingan semata-mata, tetapi ia telah dipilih sebagai cara hidup sihat.

Bagi sesetengah masyarakat pula, sukan boleh membantu mereka menjana pendapatan, iaitu dengan mengadakan program seperti 'JOM KURUS', di mana orang ramai yang ingin menyertainya dikenakan kadar bayaran mengikut pakej-pakej yang telah disediakan. Program seperti itu telah berjaya menarik minat orang ramai ke arah memupuk kesedaran bersukan dan mewujudkan warga sihat.

Bersukan tidak semestinya bertanding atau berlawan, tetapi ia dapat membantu mengatasi masalah berat badan berlebihan, kegemukan atau obesiti. Selain dari untuk menjamin kesihatan yang baik, bersukan juga adalah satu riadah yang boleh mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan atau persahabatan. Sama ada berjalan, berlari, mendaki bukit, mengayuh basikal dan sebagainya setiap individu itu perlu konsisten dan mempunyai semangat serta disiplin yang baik dalam sama-sama memastikan negara dapat melahirkan masyarakat yang sihat, dinamik dan progresif ke arah mencapai matlamat Wawasan 2035 untuk mempunyai rakyat yang berkualiti tinggi dan warga yang sihat.



BERSUKAN tidak semestinya bertanding atau berlawan, tetapi ia dapat membantu mengatasi masalah berat badan berlebihan, kegemukan atau obesiti (atas kiri, kanan, bawah dan bawah kanan).



Jadikan hafazan Al-Quran rutin amalan harian

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya



ANTARA peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438 Hijrah yang bertanding pada sebelah petang (kiri dan kanan).

mencintai Al-Quran melalui hafazan dan menjadikannya sebagai satu rutin dan amalan harian.

Timbalan Pengerusi Bersama Musabaqah itu, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit berkata, musabaqah itu juga bagi menambahkan lagi golongan penghafaz-penghafaz Al-Quran di negara ini, di samping untuk mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Selain itu, ia juga mendorong dan membantu peserta dan orang ramai untuk memahami maksud apa yang terkandung dalam Al-Quran termasuk fakta-fakta surah, nasihat, pengajaran dan hukum-hukum tajwid," ujarnya ketika ditemui semasa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah berlangsung di Dewan Kuliah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB), di sini.

Seramai 59 peserta telah layak ke peringkat separuh akhir bagi musabaqah itu dan bertanding dalam lima kategori, iaitu Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E' di mana seramai 25 peserta akan dipilih untuk bertanding pada peringkat akhir, iaitu lima peserta dari setiap kategori.

Pada sebelah petang ini, para hakim

memperdengarkan bacaan dari Kategori 'B' terdiri daripada 10 peserta, iaitu tiga lelaki dan tujuh perempuan yang menghafaz surah-surah pilihan, iaitu menghafaz Surah Luqman, Surah As Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ar Rahmaan, Surah Al Waqqi'ah, Surah Al Mulk dan Surah Al Insaan berserta pemahaman Surah Al Jumu'ah, Surah Al Munaaqiqun dan Surah Ath Thalaaq bagi yang berumur 17 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 1999 dan selepasnya.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 13 April nanti dan insyaaAllah, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah akan diadakan pada bulan Mei 2017.



PENGIRAN Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Timbalan Pengurus Musabaqah.

Perkaya koleksi buku Viet Nam di Perpustakaan UBD

Siaran Akbar : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menerima sumbangan buku daripada Kedutaan Republik Sosialis Viet Nam di negara ini pada 5 April lalu.

Kedutaan Republik Sosialis Viet Nam telah menyumbangkan sebanyak 15 buah buku, tiga cekera padat, satu majalah dan tiga jurnal.

Sumbangan yang berlangsung di Perpustakaan Utama UBD, di sini diserahkan oleh Kaunselor dan Timbalan Ketua Misi Kedutaan

Republik Sosialis Viet Nam di Negara ini, Le Tuan Anh kepada Pemangku Ketua Pustakawan, Awang Haji Muhammad Yussuf bin POKIDDP Haji Awang Musa.

Sumbangan tersebut bukan sahaja memperkayakan koleksi Viet Nam di perpustakaan universiti, tetapi juga sebagai sebahagian dari meraikan Ulang Tahun Ke-25 hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam serta memperingati Ulang Tahun Ke-50 ASEAN.

Pelajar baharu Kolej Cosmopolitan jalani sesi orientasi

Siaran Akbar :
Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT) telah mengadakan sesi orientasi selama dua hari bagi pengambilan April 2017 yang berakhir hari ini.

Hari pertama orientasi berkenaan diadakan di Dewan Mahligai, Airport Mall disusun dengan beberapa taklimat dan aktiviti anjuran Pasukan Hal Ehwal Pelajar dan pegawai pelajar kolej tersebut (CCSO).

Perasmian orientasi berkenaan disempurnakan oleh Pengarah Pengajian, Dayang Nadhirah dan diikuti dengan sesi pengenalan bersama setiap CCSO, kaunselor serta diberikan taklimat mengenai etika dan kelakuan yang betul yang perlu diikuti semasa menuntut di kolej itu.

Majlis juga diselanjurkan dengan ceramah inspirasi bertajuk 'Alhamdulillah' yang disampaikan oleh salah seorang pensyarah kanan kolej berkenaan, Awang Khairulanwar yang memberi tumpuan pada bersyukur dengan peluang yang diberikan kepada mereka (pelajar) untuk meneruskan pendidikan mereka.

Sesi pagi telah diliputi dengan taklimat kursus-kursus BTEC Pearson dan NCC serta dibawa melihat persekitaran kolej berkenaan.

Orientasi pada sesi petang pula ialah mengenai ECA dan Kelab-kelab Perniagaan, di mana pendaftaran dan pameran setiap kelab berlangsung pada hari tersebut.

Sesi itu juga dimeriahkan dengan beberapa tarian dari Kelab Tarian Kebudayaan Korea dan juga lagu akustik dari Kelab Muzik yang bertujuan sebagai pengenalan para pelajar mengenai kelab-kelab yang terdapat di kolej berkenaan dan pada masa yang sama menggalakkan mereka untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti luar kelas.

Hari terakhir orientasi dimulakan dengan senamrobik dan diikuti dengan aktiviti 'Search for Us' dan 'I'll Go Rhythm'.

Melalui orientasi dua hari itu, kolej tersebut mengharapkan pelajar pengambilan baharu itu agar dapat menghadapi pengajian mereka dengan penuh bersemangat dan perspektif demi ke arah masa depan yang terjamin.

Masjid PAHMA beri keselesaan beramal ibadat



MASJID Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Selasa, 11 April. - Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (PAHMA), Kampung Sengkarai telah dibuka rasmi pada 7 April 2017 yang dapat menampung seramai lebih kurang 1,000 jemaah dilengkapi dengan beberapa kemudahan untuk keselesaan para jemaah.

Sempena dengan perasmian masjid tersebut telah diadakan Sembahyang Fardu Jumaat pertama.

Salah seorang penduduk Kampung Sengkarai, Dayang Masliza binti Morshiddi, 31, ketika diminta pendapat oleh Pelita Brunei mengenai masjid baru yang

tersergam indah itu, berkata, ia amat memudahkan bagi penduduk Kampung Sengkarai dan sekitarnya untuk melakukan amal ibadat seperti sembahyang lima waktu, sembahyang sunnat dan sembahyang Jumaat di masjid berkenaan.

Dengan kemudahan yang terdapat di masjid itu juga, ia juga dapat membantu para jemaah atau ahli jawatankuasa masjid serta Muslimah untuk menggunakan masjid sebagai tempat melakukan aktiviti keagamaan dengan rasa selesa dan akan membantu kita bagi menghidupkan suasana masjid.



DAYANG Masliza binti Morshiddi semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Awakening the Ummah barigakan ajaran Sunnah Rasulullah

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Program Awakening the Ummah Kali Ke-2 bagi membarigakan ajaran Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berakhir pada Ahad, 9 April setelah diadakan empat hari berturut-turut bermula 6 April lalu di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Program dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Aktiviti kesedaran hidup beragama itu bukan hanya menarik minat warga UNISSA, malahan ia juga dihadiri oleh pengunjung luar untuk melihat lebih dekat lagi pameran-pemeran dan aksi-aksi mahasiswa / mahasiswi UNISSA dalam memberikan maklumat-maklumat tentang tema, iaitu Sparkles of Sunnah.

Pada hari kedua, pihak pengurusan mengadakan Pertandingan Mimbar UNISSA sebagai latihan para pelajar untuk berani tampil di depan orang ramai, di samping menyemarakkan semangat ukhuwah di antara warga UNISSA dan masyarakat umum.

Juara pertandingan tersebut ialah Dayang Siti Julaiha binti Puasa, manakala Awang Muhammad Najib bin Haji Md. Ali dan Dayang Mujahidah Hakimah binti Mohd. Kahliab masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta pertandingan disempurnakan oleh Timbalan Dekan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini.

Antara pengisian program tersebut ialah Forum Khas 'Menghidupkan Sunnah di Era Globalisasi' yang diadakan pada hari ketiga dan dipengerusikan oleh Sekretariat 1 Unit Keugamaan dan Kerohanian, MPP UNISSA, Awang Mohammad Rifat Atiyah bin Anwari.

Ahli-ahli panel bagi forum tersebut terdiri daripada Ketua Jabatan Pengajian Islam, Politeknik Brunei, Awang Haji Mohammad Ja'afar bin Haji Johari; Penolong Pensyarah UNISSA, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dan Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Abdul Rahman bin



AHLI-AHLI panel Forum Khas 'Menghidupkan Sunnah di Era Globalisasi'.

Haji Ajak.

Dengan adanya forum tersebut, ia dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam dan jelas mengenai

bagaimana menghidupkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran pada era globalisasi masa kini.

Forum tersebut dihadiri oleh mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dan orang awam.

59 peserta perdengarkan bacaan hafaz Al-Quran



PARA Peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan 1438 Hijrah yang bertanding pada sesi pagi (atas dan bawah).



PARA panel hakim bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Seramai 59 peserta telah terpilih dan bertanding dalam lima kategori pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1438 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 12 peserta terdiri daripada tiga

lelaki dan sembilan perempuan bertanding dalam Kategori 'A' yang menghafaz surah-surah pilihan dan lazim dari juz 30 berserta pemahamannya.

Para peserta terdiri daripada kanak-kanak berumur 11 tahun ke bawah pada 1 Januari 2015 dan selepasnya.

Bagi Kategori 'B' terdiri daripada 10 peserta, iaitu tiga lelaki dan tujuh perempuan yang menghafaz surah-surah pilihan, iaitu menghafaz Surah Luqman, Surah As Sajidah, Surah Yaa Siin, Surah Ar Rahmaan, Surah Al Waqqi'ah, Surah Al Mulk dan Surah Al Insaan berserta pemahaman Surah Al Jumu'ah, Surah Al Munaafiqun dan Surah Ath Thalaaq bagai yang berumur 17 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 1999 dan selepasnya.

Sementara itu, seramai 12 peserta, iaitu sembilan lelaki dan tiga perempuan lagi dipilih bagi Kategori 'C' yang menghafaz tiga juz Al-Quran, iaitu dari juz 1 hingga juz 3 berserta pemahaman juz 3 dan pemahaman juz 1 bagi semua peringkat umur.

Dalam Kategori 'D', 13 peserta

dipilih, iaitu lima lelaki dan lapan perempuan, yang mana kategori tersebut menghafaz 15 juz Al-Quran, iaitu dari juz 1 hingga juz 15 berserta pemahaman juz 11. Kategori ini dibuka bagi semua peringkat umur.

Manakala seramai 12 peserta, sembilan lelaki dan tiga perempuan pula akan bertanding dalam Kategori 'E', mereka menghafaz 30 juz Al-Quran, iaitu daripada juz 1 hingga juz 30 berserta pemahaman juz 22 yang terbuka kepada semua peringkat umur.

Musabaqah itu merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi menyemarakkan hari-hari kebesaran Islam, di samping antara pengisian Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Pengumuman keputusan dan penyampaian sijil bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan tersebut akan diadakan pada 13 April nanti.

Md. Jamal Khan dikehendaki polis

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang lelaki warganegara Bangladesh, Md. Jamal Khan (**gambar**) yang dikehendaki untuk membantu siasatan di bahagian Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak.

Menurut Siaran Akbar Pasukan PDB, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah di Tingkat 1, Bangunan Lama Ibu Pejabat Polis Gadong atau menelefon terus ke talian 993 atau +673 2459500 sambungan 496.



Dua pasukan Malaysia sertai Liga Brunei Futsal 2017

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 April. - Liga Brunei Futsal 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) akan berlangsung bulan



PEMANGKU Setiausaha Agong NFABD, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz dalam Sidang Media menjelaskan mengenai Liga Brunei Futsal 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang akan bermula pada 15 April 2017, jam 8.30 malam.

April hingga Mei 2017 ini, yang akan membuka tirainya di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, pada 15 April depan jam 8.30 malam.

Sejumlah lapan pasukan dari Brunei dan dua pasukan jemputan, iaitu Kuantan Rangers, Pahang dan Miri FA Sarawak telah mengesahkan penyertaan dalam Liga Brunei Futsal 2017 yang dianjurkan buat kali pertama.

Pemangku Setiausaha Agong NFABD, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz dalam sidang media menjelaskan bahawa NFABD menjemput Kuantan Rangers dan Miri FC untuk meningkatkan lagi mutu Liga Brunei Futsal 2017 pada tahun ini.

Menurutnya, penyertaan Kuantan Rangers dan Miri FC itu nanti akan memberikan saingan kepada pasukan-pasukan yang berada di dalam liga.

"Persatuan Bola Sepak Malaysia telah memberi kebenaran pada kedua-dua kelab tersebut untuk bertanding di Liga Brunei Futsal 2017," jelasnya.

Katanya, Pasukan Pembangunan Kebangsaan NFABD (NFTU20)



SIDANG Media mengenai Liga Brunei Futsal 2017 anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang dihadiri oleh wakil-wakil media tempatan.

juga diserapkan untuk bermain di dalam Liga Brunei 2017 sebagai pendedahan dan persiapan pasukan untuk berentap di AFC U20 Futsal Championship yang akan berlangsung bulan Mei di Thailand.

Antara format terbaru jelasnya, adalah secara *home and away*, yang mana setiap pasukan akan bermain sebanyak 18 kali.

Selain dari penyertaan Kuantan Rangers dan Miri FC satu lagi ciri baharu yang diperkenalkan dalam Kejohanan Liga Brunei 2017 ini, iaitu Online Database System, yang mana semua jadual perlawan, laporan perlawan, *starting list*, galeri foto dan laporan-laporan lain boleh didapati di laman sesawang www.brilyansport.com/bf2017.

Dua pasukan Malaysia tersebut akan mengikuti lapan buah pasukan tempatan dalam Liga Brunei Futsal 2017, iaitu Kota Junior FC (Juara Bertahan), Shah United FC, Arbisyam FC, MS ABDB, Riz Fiz dan Pasukan Pembangunan Kebangsaan NFABD (NFTU20), manakala dua slot pasukan lagi akan ditentukan melalui pusingan kelayakan.

NFABD anjur Piala Futsal DST untuk Anak-Anak Yatim

Siaran Akbar :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 April. - DST dan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) akan menganjurkan Piala Futsal DST untuk Anak-Anak Yatim 2017 kali keempat pada hari Ahad ini nanti.

Sehubungan itu, pendaftaran masih dibuka untuk acara ini yang akan diadakan di NFABD House di Berakas.

Dua kategori akan diadakan bagi pemain berumur 13 ke 15 tahun (64 pemain) dan pemain berumur 9 ke 12 tahun (88 pemain).

Acara tersebut adalah untuk memberi peluang kepada anak-anak yatim dari keempat-empat daerah untuk menyertai aktiviti sukan.

DST akan menyediakan peruntukan kewangan dan logistik seperti jersi, hidangan ringan dan pengangkutan manakala NFABD akan menyediakan jurulatih, tempat dan peralatan sukan.

Pendaftaran bermula pada pukul 7.00 pagi dan pusingan akhir akan bermula pada pukul 11.00 pagi.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERKASA KEPIMPINAN BELIA PERKUKUH NEGARA

دربیتکن اوله جیاتن فراغعن، جیاتن فردا متری دان ڈچیتق اوله جیاتن فرچیتھن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

PTEM anjur walkaton bertaja



SEMASA sesi bergambar ramai pada Walkaton Bertaja.

Berita dan Foto : Ihsan Pusat Tingkatan Enam Meragang

MERAGANG, Selasa, 11 April. - Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM) menganjurkan Walkaton Bertaja bertempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada Sabtu, 8 April lepas.

Walkaton tersebut adalah untuk

menambah sumber kewangan PTEM bagi membaiayai keperluan-keperluan peralatan pengajaran, pembelajaran dan pemeliharaan bangunan pusat berkenaan.

Terdahulu, acara bermula dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua PTEM, Pengiran Hajah Maimunah

binti Pengiran Haji Osman diikuti dengan sesi memanaskan badan, iaitu senam zumba dan senamrobik yang disertai oleh penuntut-penuntut, guru-guru serta kakitangan pusat tersebut sebelum walkaton bermula.

Pada acara itu, pihak penaja juga turut diberi cenderahati penghargaan atas sumbangan mereka demi menjayakan acara tersebut.